

Bil. 55

**Rabu
30 Oktober 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN	[Ruangan 1]
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 1997	[Ruangan 16]
USUL: Anggaran Pembangunan 1997	[Ruangan 16]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).
- „ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' (DR.) HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).

- Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATUK DR. LEO MICHAEL TOYAD, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR, S.M.J. (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN, D.P.M.J. (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATUK TAN CHAI HO, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ DATO' HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGA (Beluran).

- Yang Berhormat DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).

Yang Berhormat DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).

- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).

- Yang Berhormat TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumui).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasar Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Shamsina binti Janor.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh.
--------------------	---

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 30 Oktober 1996

*Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

SKIM SARAAAN BARU
(SSB)—KAJIAN TENTANG
KELEMAHAN

1. Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) aduan dan sungutan dari kalangan pegawai perkhidmatan pendidikan, khususnya guru-guru, tentang kelemahan sistem Skim Saraan Baru (SSB); dan
- (b) adakah kerajaan bercadang mengkaji dan memperbaiki sistem SSB.

Setiausaha Parlimen di Jabatan
Perdana Menteri (Dato' Azmi bin
Khalid): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perkhidmatan awam ketika ini mempunyai lebih dari 800 ribu anggota di mana seperempat darinya adalah terdiri dari anggota-anggota perkhidmatan pendidikan. Memandangkan saiz perkhidmatan awam yang besar, tidak dinafikan

terdapat sungutan-sungutan mengenai skim Sistem Saraan Baru (SSB) yang digunakan sekarang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sungutan-sungutan tersebut bukanlah mengenai teras SSB iaitu 'performance related pay', dengan izin, tetapi berhubung dengan isu-isu pelaksanaan.

- (b) Kerajaan mengambil berat terhadap beberapa kelemahan yang berlaku dan sentiasa mengkaji serta mendapatkan maklum balas bagi melicinkan pelaksanaan SSB ini.

INDUSTRI LUAR BANDAR
DI SARAWAK—MENAMBAH
BILANGAN PROJEK

2. Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian) minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) apakah usaha-usaha yang sedang dan akan diambil oleh kementeriannya bagi menambahkan bilangan projek dan penglibatan masyarakat Sarawak dalam industri luar bandar; dan
- (b) jumlah peruntukan bagi tujuan tersebut dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Setiausaha Parlimen Kementerian
Pembangunan Luar Bandar (Tuan
Douglas Uggah Embas): Tuan Yang
di-Pertua,

- (a) Usaha-usaha diambil oleh kementerian untuk menggalakkan industri di luar bandar negeri Sarawak ialah:
 - (i) memberi bantuan mesin;
 - (ii) mengadakan kursus dan latihan kepada bakal peserta;
 - (iii) membantu pembangunan infrastruktur perindustrian luar bandar;

- (iv) menyediakan perkhidmatan pemasaran;
- (v) mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi negeri Sarawak untuk mencari jalan menggalakkan ramai lagi masyarakat luar bandar di Sarawak menyertai program ini.

(b) Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kementerian telah diperuntukkan sejumlah RM119 juta untuk melaksanakan program PILB di seluruh negara. Program ini adalah meliputi antaranya aktiviti bantuan mesin, pembangunan usahawanan, infrastruktur industri dan pemasaran.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan kesulitan untuk petani-petani di luar bandar ialah kekurangan modal, teknik petani dan kesulitan menjual pengeluaran mereka di bandar. Apakah langkah-langkah akan diberikan oleh kerajaan untuk bantuan atau perbaiki masalah itu?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana perkara mengenai petani adalah dalam bidang kuasa Kementerian Pertanian.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa buah kawasan di luar bandar di negeri Sarawak telah terlibat dalam program industri luar bandar itu dan apakah masalah mereka tidak dapat melibatkan diri dengan secara berjaya dalam projek ini?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan ini, dalam Rancangan Malaysia Keenam kita telah meluluskan 119 buah projek di negeri Sarawak dengan peruntukan RM5.7 juta. Dari segi jumlahnya, Sarawak adalah negeri yang tertinggi dari segi bantuan

mesin yang merupakan 16.2%. Jadi, 115 projek ini adalah diluluskan bertaburan di seluruh negeri Sarawak di luar bandar, maka tidak ada tempat yang tertentu yang akan ditekankan.

Mengenai masalah, memang banyak masalah yang dihadapi oleh pengusaha luar bandar ini iaitu:

- (i) pemasaran;
- (ii) pengalaman; dan
- (iii) kekurangan modal.

Oleh yang demikian, maka kementerian akan mengadakan satu program komprehensif untuk mengatasi membantu bakal-bakal pengusaha ini supaya mereka dapat mengambil peluang dengan sepenuhnya dalam usaha memajukan industri di luar bandar.

LEVI KE ATAS WARGA ASING—KESAN PENGENAAN

3. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut) minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada kerajaan telah membuat kajian mengenai kesan pengenaan levi ke atas pembelian oleh warga asing dan kalau ada, adakah pengenaan levi ini telah berjaya mengurangkan pemilikan asing; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan levi ke atas pemilikan aset-aset lain seperti tanah industri dan sebagainya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Levi yang dikenakan ke atas pembelian harta tanah oleh warga asing telah memberi kesan yang baik kerana ia telah menstabilkan harga-harga rumah dan tindakan

ini juga telah mengurangkan pemilikan rumah oleh warga asing. Sebagai satu contoh, sehingga Ogos 1996, pembelian kondominium oleh warga asing ialah sebanyak 1,186 berbanding dengan 4,921 bagi tahun 1995 dan 4,850 bagi tahun 1994 dan 3,593 bagi tahun 1993.

- (b) Kerajaan tidak bercadang untuk mengenakan levi ke atas pemilikan tanah industri.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, walaupun angkanya turun begitu mendadak akibat pengenaan levi, contohnya pembelian rumah kondominium tadi, kita mendapat tahu ada warganegara asing yang menggunakan warganegara rakyat tempatan bagi mendaftarkan hartanah tersebut di atas nama warganegara tempatan bagi mengelakkan levi. Jadi sebenarnya adakah pihak kementerian menyedari masalah ini dan jika ada, apakah langkah-langkah yang sedang diambil bagi mengatasi masalah ini supaya tidak berulang?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, pembelian di atas nama nominee itu memang kerajaan sedar dan pembelian seperti ini adalah mempunyai risiko yang tersendiri dan kerajaan setakat ini memerhati keadaan seperti ini dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Dato Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada levi adakah kerajaan berhasrat untuk mengadakan satu formula yang lain bagi mengurangkan pemilikan harta rumah kepada pemilikan asing? Contohnya hanya dibenarkan rumah-rumah yang baru sahaja, tidak rumah-rumah yang sudah dibina kemudian diduduki lepas itu boleh dijual kepada pemilikan asing.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang mempunyai langkah-langkah yang tertentu untuk mengawal supaya pembelian harta tanah di Malaysia oleh warga asing itu dapat dikawal dengan baik. Sebagai satu contoh, syarat-syarat perolehan unit-unit kediaman oleh kepentingan warga asing yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelabur Asing itu mulai daripada 24hb Jun, 1995 adalah seperti berikut:

- (i) harga minimum yang boleh dibeli telah dinaikkan dari RM80,000 kepada RM250,000;
- (ii) kepentingan asing tidak boleh lagi membeli rumah teres.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Dr. Sanusi bin Daeng Mariok.

(Soalan No. 4 - Y.B. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang) tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw.

(Soalan No. 5 - Y.B. Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob.

(Soalan No. 6 - Y.B. Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob (Sipitang) tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Apa hal, tiga orang doktor tidak ada? *(Ketawa)*

Seorang Ahli: 'Bolai, bolai!'

**JUMLAH PENAGIH DADAH/
YANG SUDAH DIPULIH
DAN JUMLAH PUSAT
SERENTI—PERBELANJAAN
PEMULIHAN**

7. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut) minta Menteri Dalam Negeri memberitahu seperti berikut:

- (a) jumlah penagih dadah seluruh Malaysia dan jumlah yang sudah pulih telah dirawat di Pusat Serenti; dan
- (b) jumlah pusat-pusat serenti seluruh Malaysia dan perbelanjaan untuk pemulihan dadah bagi tiap-tiap tahun.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah penagih dadah yang dikesan dari tahun 1988 sehingga akhir tahun 1995 adalah seramai 113,736 orang, manakala jumlah yang sudah dipulih telah dirawat di pusat serenti ialah seramai 74,841.
- (b) Jumlah pusat serenti yang sedang beroperasi ialah sebanyak 28 buah. Dalam tempoh 12 tahun yang lampau kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM355,767,633 bagi pengurusan dan pembangunan pusat serenti seluruh negara.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sudahkah kerajaan mengenal pasti punca penagih dadah di pusat serenti merusuh dan apakah tindakan untuk memperbaiki keadaan. Adakah benar dakwaan penagih, layanan buruk punca mereka bertindak?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa dengar dengan jelas soalan yang pertama tadi. Apa yang buruk di pusat serenti?

Seorang Ahli: Layanan!

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta ulang soalnya.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sudahkah kerajaan mengenal pasti punca penagih di pusat serenti merusuh?

Tuan Ong Ka Ting: Merusuh! Saya ingat merosot? (*Ketawa*) Maaf, maaf!

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana beberapa faktor yang pernah kita bincang iaitu yang pertama, oleh kerana kapasiti ataupun pusat-pusat serenti ini tidak mempunyai kapasiti yang cukup, maka oleh kerana penguatkuasaan yang kita sentiasa memperhebatkan maka terlalu ramai penagih yang telah dimasukkan, jadi, sudah jadi sesak iaitu 'over crowded', dengan izin, itu salah satu masalahnya.

Dan kerana penagih-penagih yang dimasukkan itu kita terpaksa campur-campurkan mereka, ada yang 'tegar', ada yang soft core ataupun hard core, dengan izin. Jadi, mereka punya approach itu berlainan dan sikap mereka juga berlainan di antara satu sama lain. Ada di antara mereka itu yang lebih merupakan 'keras kepala'. Jadi, dia akan mempengaruhi orang lain untuk merusuh dan kadang-kadang mereka 'find fault', dengan izin, iaitu terhadap makanan dan juga terhadap apa-apa yang tidak selesa, dia api-apikan orang lain.

Selain daripada itu, salah satu faktor yang lain ialah pegawai-pegawai keselamatan kita di pusat-pusat serenti masih perlukan latihan yang lebih profesional untuk men'tackle' mereka ini secara psikologi bukan hanya kawal secara fizikal sahaja.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat tahu dan pengesahan daripada Timbalan Menteri sama ada strategi-strategi pemulihan penagih dadah di dalam negara ini sekarang ini didapati lagi berkesan kepada situasi yang semasa.

Yang keduanya, adakah sistem pusat serenti yang ada sekarang ini sesuai dengan perkembangan psikologi konfrontasi pihak penagih terhadap 'establishment' sama ada strategi lain sebagaimana yang pernah disuarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri suatu masa dahulu iaitu untuk menghantar mereka ke kawasan yang terpencil sama ada di pulau ataupun di belukar, sama dengan strategi pihak penjajah dahulu untuk mengasingkan elemen-elemen yang disyaki bersubhat dengan komunis.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang pada masa yang lalu ini terdapat kelemahannya, terutamanya Kementerian Dalam Negeri sedang cuba mengatasi. Oleh kerana itu, dalam setiap Mesyuarat Majlis Dadah Kebangsaan merupakan satu majlis yang high power, kita telah melibatkan banyak jabatan secara bersepadu, strategi-strategi yang lebih baru, yang lebih kita anggap berkesan itu sedang kita bincang dan merancang di samping pada masa yang sama kita telah berusaha untuk menambah pusat-pusat serenti yang kapasitinya lebih, kita sedang mengambil kakitangan terutamanya kaunseling yang lebih terlatih dan juga kakitangan-kakitangan perubatan dan juga dalam semua aspek pemulihan itu sedang kita usahakan. Saya rasa itu adalah salah satu aspek yang tidak boleh kita ketepikan, kita tidak boleh katakan semua itu tidak berkesan, sebenarnya masih berkesan kecuali pada masa dahulu oleh kerana kekurangan kakitangan. Sekarang kerajaan telah memberikan perhatian yang lebih serius supaya kekosongan itu boleh diisi dengan cepat dan pada satu ketika memang benar saya pernah katakan kita mengkategorikan pelatih-pelatih ini, kemudian yang 'tegar',

yang memang susah untuk dikawal itu kita hendak tempatkan mereka di tempat yang lebih jauh daripada bandar dan sebagainya.

Sebenarnya, usaha ini masih lagi dijalankan, kita masih mencari tempat yang bersesuaian. Sebenarnya, salah satu cadangan kita telah mengenalpastikan sekali lagi seperti yang ditawarkan oleh Pulau Pinang—Pulau Jerejak, buat sementara untuk dua, tiga tahun. Tetapi, kita masih menghadapi masalah 'constraint' fizikal, kerana ia akan mengambil masa yang lama. Kalau kita hendak membina pusat-pusat serenti di situ, ia akan mengambil masa sekurang-kurangnya selama dua tahun. Tetapi, tempoh yang dizinkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang hanya tiga tahun sahaja. Jadi, bila kita telah membina pusat serenti itu, masa sudah cukup. Ini salah satu masalah yang terpaksa kita hadapi. Walau bagaimanapun, kita masih mencari tempat-tempat yang bersesuaian.

SEKTOR AGRO-TOURISM— JUMLAH SUMBANGAN

8. Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau) minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan berapakah jumlah sumbangan sektor agro-tourism kepada pendapatan sektor pelancongan negara pada masa ini dan apakah strategi dan insentif yang diberi oleh kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan sektor agro-tourism.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Mohd. Noh bin Rajab): Tuan Yang di-Pertua, Program Pembangunan Agro-Tourism diperkenalkan oleh kerajaan dengan tujuan utama untuk meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan melalui aktiviti sampingan bagi memperbanyak dan mempelbagaikan produk-produk pelancongan negara yang berasaskan pertanian.

Daripada maklumat-maklumat pelancongan adalah dianggarkan sumbangan agro-tourism kepada pendapatan pelancongan keseluruhannya adalah di sekitar 10%. Sektor ini telah menjadi semakin penting dan mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan terutamanya dalam bidang-bidang pertanian yang kita mempunyai kepakaran seperti getah dan kelapa sawit.

Bagi menjamin supaya bidang agro-tourism ini dapat memainkan peranan yang besar dalam bidang pelancongan, kerajaan telah mengadakan kajian pelan agro-tourism kebangsaan dengan kerjasama United Nation Development Programme yang bertujuan supaya pembangunan agro-tourism di negara ini dijalankan secara tersusun dan terarah.

Di samping itu kerajaan akan menyediakan dan mempertingkatkan kemudahan-kemudahan awam, infrastruktur, pusat jualan kraftangan, pusat informasi dan lain-lain kemudahan di taman-taman pertanian dan pusat-pusat penyelidikan yang dikenal pasti mempunyai potensi untuk dijadikan tarikan pelancongan. Antara tempat-tempat tersebut ialah:

- (i) Taman Pertanian Negeri Sungai Udang, Melaka;
- (ii) Taman Pertanian Kangkong, Masai, Johor;
- (iii) Tanjong Dawai, Kedah; dan
- (iv) Pusat Penyelidikan Getah Malaysia.

Kementerian juga akan membangunkan kampung-kampung petani, penternak dan nelayan yang dikenal pasti telah menjadi tarikan pelancong dan yang mempunyai potensi dimajukan sebagai tarikan pelancongan; menyediakan latihan pada mereka yang terlibat dalam bidang agro-tourism terutamanya mengenai selok-belok pelancongan; pemasaran dan promosi; mewujudkan pakej-pakej khas pelancongan yang melibatkan aktiviti-

aktiviti agro-tourism seperti 'homestay' 'farmstay', dengan izin, menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam bidang agro-tourism dengan memberikan insentif khas pelancongan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya adakah pihak kementerian telah mengenal pasti apakah isi kandungan (content), dengan izin, sektor agro-tourism ini yang dipercayai adalah menarik kepada pelancong-pelancong supaya pembangunan di peringkat luar bandar tertuju kepada apa yang diinginkan oleh para pelancong. Adakah pihak kementerian telah memasukkan sektor ini dalam usaha mempromosikan pelancongan negara?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Seperti yang disebutkan tadi, kita menekankan tentang bidang-bidang pertanian yang kita mempunyai kepakaran, seperti getah dan kelapa sawit. Di samping itu, di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti dalam kajian kerjasama antara kerajaan dengan United Nation Development Programme ini ialah kawasan pertanian yang melibatkan kawasan yang lebih besar seperti satu daerah dan satu kawasan yang mempunyai kegiatan pertanian yang khusus.

Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya tiap-tiap kegiatan pertanian yang dilaksanakan di negara ini memang boleh menjadi tarikan kepada pelancong-pelancong. Masalahnya ialah bagaimana hendak menarik pelancong-pelancong ini datang ke negara kita dan melihat benda-benda dan kawasan-kawasan yang kita hendak pertunjukkan ini dengan mengambil kira competition daripada sektor lain, persaingan dari negeri lain dan jauhnya perjalanan yang terpaksa dilalui oleh pelancong-pelancong itu yang hendak datang ke sini. Sebagai contoh pelancong dari Amerika, kalau mereka sudah sampai di sini, mereka mempunyai minat hendak melihat kegiatan pertanian di sini, tetapi untuk datang ke Malaysia

mereka kadang-kadang terpaksa melalui empat zon masa (four times zone) datang ke sini untuk melihat orang menanam padi. Itu adalah satu keputusan yang amat besar dibuat oleh seseorang yang datang daripada Amerika itu. Jadi, di manakah competitive age kita di situ? Ini adalah masalah-masalah yang terpaksa difikirkan oleh kementerian.

Tuan Noh bin Omar: Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa salah satu sebab agro-tourism ataupun 'homestay' ini sukar kita promosikan kerana projek ini berada di luar bandar, sedangkan pegawai-pegawai dari kementerian tidak ada di tempatkan di luar-luar bandar ini. Jadi, kebanyakan pengusaha-pengusaha tempatan ini dia secara individu untuk mempromosikan projek agro-tourism atau 'homestay' mereka. Oleh itu, adakah pihak kementerian bercadang untuk menempatkan pegawai-pegawai daripada kementerian untuk membantu pengusaha-pengusaha tempatan untuk memperingkatkan lagi projek agro-tourism ataupun 'homestay' ini?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Terima kasih, Yang Berhormat. Pertamanya, elok kita fahami bahawa tujuan mengadakan agro-tourism dan 'homestay' ini ialah untuk membantu rakyat luar bandar mendapat pendapatan yang berlebihan. Oleh kerana berseleraknya kawasan-kawasan luar bandar ini dan oleh kerana kegiatan itu adalah kegiatan sampingan, misalannya dalam konteks 'homestay', maka kita belum mempunyai kebolehan atau keupayaan untuk mengadakannya di seluruh negara. Sebab itu kita tumpukan dahulu kepada beberapa kawasan tertentu dan ianya melibatkan masyarakat luar bandar yang boleh mengadakan facility atau kemudahan 'homestay' ini dengan tidak payah mengeluarkan banyak perbelanjaan.

Kita memang mempunyai cukup pegawai untuk mengendalikannya di tempat-tempat yang telah dikenal pasti dan

sekiranya kegiatan ini dapat kita sebarkan lagi ke kawasan-kawasan lain, sudah tentu perkara untuk hendak mendapatkan jumlah pegawai yang bersesuaian memang dipandang serius oleh kementerian.

PELACUR ASING— BILANGAN DITAHAN MENGIKUT NEGARA

9. Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah kegiatan pelacur asing bergiat di negara ini; dan
- (b) nyatakan bilangan yang ditahan berdasarkan negara masing-masing.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Hasil dari tindakan oleh pihak-pihak berkuasa, kegiatan pelacuran yang melibatkan wanita warganegara asing di negara ini telah dapat dikawal. Pelacur-pelacur yang terlibat dengan kegiatan tersebut akan diarahkan meninggalkan negara dan tidak dibenar memasuki lagi.
- (b) Jumlah pelacur warganegara asing yang ditangkap antara Januari 1995 hingga Jun 1996 iaitu 1 1/2 tahun ialah seramai 1821 orang. Warganegara Indonesia mencatatkan jumlah yang terbesar diikuti dengan wanita warganegara Filipina, Thailand dan Cina.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Izinkan saya bertanya, mengikut pengetahuan kementerian, sejauh manakah kebenaran yang ada menyatakan bahawa terdapat lebih kurang 70%-80% pelacur-pelacur yang ada di negara ini terdiri dari kumpulan yang berumur antara 14-18

tahun dan kalau benar, apakah tindakan-tindakan yang sepatutnya diambil oleh pihak-pihak yang tertentu?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka mengikut umur. Tetapi yang pasti saya tahu, pelacur-pelacur ini kebanyakan adalah wanita yang muda, memang ada termasuk yang berumur 14, 15, 16, 17 sehingga 20 tahun lebih, tetapi angka yang terperinci saya tidak ada.

Satu gejala yang jelas sekali, angka yang paling tinggi ialah terdapat di Sabah. Sabah kita analisa sebanyak dua kali, tahun 1995, Sabah mempunyai jumlah pelacur yang ditangkap ialah 42% iaitu 473 orang. Apabila tahun ini kita cuba analisa iaitu setengah tahun yang pertama, angkanya masih begitu iaitu 43% jumlah pelacur yang terdapat di Sabah. Ini kerana ramai terdapatnya pendatang asing. Ini menjadi satu faktor utama.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawapan asal tadi. Berapa banyak yang melibatkan kegiatan di bandar dan juga di luar bandar? Kerana baru-baru ini ada dalam akhbar bahawa kegiatan pelacuran ini merebak sampai di rumah-rumah kongsi di ladang-ladang. Dan kegiatan ini juga mesti ada operatornya. Operator mesti orang tempatan selalunya. Dan setakat ini apakah tindakan dan berapa ramai yang diambil tindakan terhadap operator-operator berkenaan? Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Kalau saya nak sambung sedikit daripada sana, iaitu selain daripada Sabah, satu persekitaran yang agak lain kerana dibanjiri oleh pendatang asing tanpa izin yang kedua paling hebat pelacuran ini ialah di Kuala Lumpur. Maknanya bandar, kalau kita tidak kira pendatang asing tanpa izin, memang bandar merupakan tempat giatnya pelacuran.

Kuala Lumpur turut-turut apabila angka 1995 merupakan tempat kita jumpa 26.06 peratus daripada jumlah yang ditangkap dan untuk setengah tahun ini terdapat 33.33 peratus di Kuala Lumpur. Negeri yang ketiga ialah Sarawak, turut-turut 1995 dan 1996, kita kira itu pun ada kaitan dengan pendatang asing—bukan Sarawakianlah. Dan operator-operator tempatan ini, selama ini Kementerian Dalam Negeri telah menggunakan Akta Kediaman Terhad, kalau sekiranya kita tidak dapat bukti atau saksi yang cukup untuk mendakwa di mahkamah. Kita terus tangkap mereka dan gunakan Akta Kediaman Terhad iaitu mereka itu dibuang, disekat di tempat-tempat yang mereka tidak boleh beroperasi, di mana dia tidak ada pelanggan. Jadi, inilah yang apa kita buat pada masa kini.

HUKUM HUDUD BAGI MENGATASI FENOMENA PEMBUANGAN BAYI/LUMBA HARAM

10. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai) minta Perdana Menteri menyatakan adakah pihaknya bersetuju menjadikan undang-undang syariah Islam yang terkandung di dalamnya hudud dilaksanakan memandangkan banyak berlaku kejadian pembuangan bayi yang berpunca daripada berzina. Cadangan ini juga berikutan pandangan pihak polis turut menyuarakan hukuman sebat kepada pemandu lumba haram sebagai langkah menyelesaikannya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan pusat belum berhasrat melaksanakan hudud kerana kemampuan kerajaan sekarang ialah menjalankan undang-undang syarak yang ada sekarang dan berpendapat boleh untuk membendung gejala maksiat seperti zina dan sebagainya.

Kerajaan berpendapat apa yang penting ialah memberi pengetahuan kesedaran kepada masyarakat dan pegangan agama mereka. Apabila pengetahuan dan pegangan agama mereka kuat, gejala-gejala tersebut dengan sendirinya tidak akan berlaku.

Mengenai hukum sebat kepada pemandu lumba haram sepertimana yang dicadangkan oleh pihak polis ini adalah merupakan satu cadangan yang perlu dikaji dengan teliti sebelum ia dilaksanakan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kerajaan pusat bercadang untuk mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri Kelantan berhubung dengan Kanun Jenayah II Negeri Kelantan yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan supaya pihak kerajaan pusat boleh memberi pandangan sama ada untuk masukkan atau menambah atau membuat apa-apa pindaan daripada perkara yang diluluskan itu?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan belum membuat apa-apa cadangan untuk mengadakan perbincangan tersebut. Apa yang terdapat sekarang ialah di negeri Kelantan sendiri telah menggunakan Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan, 2/1985 yang telah digubal oleh Barisan Nasional dahulu. Sehingga sekarang Kelantan memakai enakmen itu. Jadi, pada pandangan kita bahawa kerajaan Kelantan menerima pakai perkara itu dan bahkan Kelantan sendiri mengakui bahawa Kelantan telah paling lama menjalankan hukum-hukum Islam ini ataupun hukum syarak ini daripada negeri-negeri lain. Ini dinyatakan sendiri oleh pihak berkuasa agama Kelantan yang dinyatakan pada masa-masa yang lepas.

PERKHIDMATAN FERİ MALAYSIA— MEWUJUDKAN SEMULA

11. Datuk Nurnikman Abdullah (Beaufort) minta Menteri Pengangkutan menyatakan supaya mengadakan semula Perkhidmatan Feri Malaysia di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung dalam konteks "Integrasi Nasional dan keperluan semasa perhubungan yang murah.

Setiausaha Parlimen Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perkhidmatan Feri Malaysia telah diwujudkan pada tahun 1986 dan mula beroperasi perkhidmatannya mulai 31hb Ogos 1986, dengan matlamat utama iaitu "Integrasi Nasional" khususnya di antara rakyat di Sarawak, Sabah dan Semenanjung.

Memandangkan syarikat yang mengendalikan perkhidmatan ini telah mengalami kerugian yang agak ketara, sejak pelaksanaannya oleh kerana kurang permintaan maka Feri Malaysia telah menamatkan perkhidmatan pada tahun 1990. Dengan adanya perkhidmatan penerbangan yang kerap di antara Sarawak atau Sabah dan Kuala Lumpur termasuk kadar tambang yang begitu kompetitif, maka pada masa ini kerajaan tidak menguruskan perkhidmatan feri penumpang dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dan kerajaan tiada halangan ke atas mana-mana pengusaha swasta yang ingin menguruskan perkhidmatan feri ke Sabah atau Sarawak.

Datuk Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam konteks perhubungan yang murah, saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, bagaimanakah permintaan penerbangan daripada Sabah, Sarawak ke Kuala Lumpur dan berapakah tambang kapal terbang yang termurah sekali ke Kuala Lumpur setakat ini? Dan adakah Kementerian

Pengangkutan bercadang atau memikirkan perlunya mengadakan perkhidmatan feri daripada Kuching ke Johor Bahru, memandangkan kewujudan Pan-Borneo Highway yang dapat menghubungkan, Sabah dan Sarawak di masa yang akan datang?

Tuan Chor Chee Heung : Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Beaufort. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tambang penerbangan di antara Kuala Lumpur dan Sabah dan ke Kuching memang mempunyai dua jenis. Iaitu, satu kadar tambang yang biasa, tetapi saya ingin memberitahu iaitu yang paling murah sekali naik "tourist", dengan izin iaitu dari KK ke Kuala Lumpur hanya RM612.00. Dan dari Kuching ke Kuala Lumpur—ekonomi, hanya RM374.00 "return", dengan izin.

Dan jika kita banding dengan kadar tambang yang dikendalikan oleh syarikat Feri Malaysia ini pada ketika itu adalah di antara RM700.00 hingga RM800.00.

Bagi soalan yang kedua itu, dari segi perkhidmatan feri di antara Kuching dan Johor Bharu, maka kerajaan buat masa ini tidak mempunyai rancangan tetapi kerajaan memang mempunyai sikap yang terbuka yang mana pihak swasta, jika ingin mengendalikan servis ini maka mereka boleh buat cadangan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan tadi bahawa perkhidmatan feri yang lalu itu telah ditamatkan kerana tidak ada keuntungan. Adakah pihak kementerian ingin mengambil langkah baru di mana perkhidmatan seperti ini tidak dinilai dari segi keuntungan, tetapi dari segi pencapaian untuk memupuk perpaduan dan integrasi nasional. Jadi, dalam perkara ini adakah pihak kementerian mengambil langkah-langkah yang spesifik untuk menggalakkan—kalau bukan kerajaan sendiri mengambil tugasnya untuk

membekalkan perkhidmatan ini, tetapi memberi galakan yang tertentu kepada pihak swasta dalam perkara ini?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, dari segi integrasi nasional ini saya percaya sekarang bukan soal ataupun isu yang sedang diatasi oleh kerajaan, lebih-lebih lagi sejak negeri Sabah dikembalikan kepada pemerintahan Barisan Nasional, integrasi nasional bukan satu soal.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, memang kerajaan senantiasanya mempunyai sikap terbuka seperti saya katakan tadi dan kita juga senantiasanya menggalakkan pihak swasta supaya menceburi dalam semua bidang, termasuk bidang ferry service, sama ada di antara Sabah ke Kuala Lumpur ataupun Sabah ke Johor Bahru, bahkan tempat-tempat yang lain.

PENYAMBUNGAN JALAN KELANG LAMA KE LEBUHRAYA KL-SUBANG JAYA— PELAKSANAAN

12. Tuan Liew Ah Kim (Seputeh) minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk menyambung Jalan Kelang Lama ke Pantai Baru Expressway (KL-Subang Jaya Highway). Jika ya, bila ianya akan dilaksanakan, dan jika tidak, kenapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya (Tuan Yong Khoon Seng): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang mempunyai rancangan untuk menyambung Jalan Kelang Lama ke Lebuhraya Pantai Baru melalui pembinaan sebuah persimpangan bertingkat di Jalan Templer.

Persimpangan bertingkat ini adalah sebahagian dari skop konsesi bagi projek ini. Penyambungan ini akan dilaksanakan dalam tempoh tahun 1998 hingga tahun 1999.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa penduduk-penduduk di kawasan United Garden (OUG) Jalan Kelang Lama setiap hari menghadapi kesesakan lalu lintas yang begitu ketara. Sejak 10 tahun kebelakangan ini nampaknya tiap-tiap hari penduduk atau pengguna jalan itu menghadapi kesusahan. Memandangkan bahawa masalah itu begitu rumit, adakah kerajaan berpendapat projek untuk menyambung Jalan Kelang Lama masuk ke KL-Subang Highway dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin? (*Disampuk*)

Tuan Yong Khoon Seng: Itulah saya jawab tadi. Sebenarnya perjanjian telah pun ditandatangani untuk konsesi ini pada bulan Mac 1996 dan pembinaan sedang giat dilaksanakan sekarang. Saya mengucapkan terima kasih sebagai Yang Berhormat tadi juga sedar bahawa kita mengadakan satu kerja untuk mengatasi kesesakan lalu lintas. Oleh itu kita membuat satu jalan expressway dan ianya akan dilaksanakan pada tahun 1998 hingga 1999, tidak lama lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Datuk Song Swee Guan.

(*Soalan No. 13—Y.B. Datuk Song Swee Guan (Bandar Kuching) tidak hadir*)

SEKOLAH BESTARI—KONSEP

14. Dr. Ramli bin Taib (Kemaman) minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah yang dimaksudkan dengan konsep Sekolah Bestari. Adakah kerajaan bercadang untuk membina di setiap negeri atau di bandar-bandar sahaja; dan
- (b) apakah kurikulum yang akan diajar di sekolah ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mendapat tenaga pengajar.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua soalan yang menyentuh konsep Sekolah Bestari. Butir-butir Ahli Yang Berhormat yang bertanyakan soalan-soalan tersebut ialah Yang Berhormat dari Kemaman pada hari ini; dan Yang Berhormat dari Lumut esok iaitu 31hb Oktober 1996. Jadi, saya mohon menjawab kedua-dua soalan ini serentak.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Baik.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sekolah Bestari ataupun Smart School ialah sekolah yang memberi tumpuan utama kepada proses pengembangan dan pemupukan pembelajaran berfikir (*thoughtful learning*).

Dalam hubungan ini, penggunaan teknologi seperti komputer memainkan peranan penting bagi mencapai matlamat pembelajaran berfikir. Justeru itu, setiap sekolah mempunyai potensi untuk menjadi Sekolah Bestari.

Kejayaan pelaksanaannya melibatkan tiga elemen utama, iaitu guru yang mempunyai kemahiran, kurikulum yang bersepadu dan prasarana yang sesuai. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melengkapkan semua sekolah dengan komputer. Juga dimaklumkan bahawa Sekolah Bestari adalah untuk semua pelajar.

- (b) Kurikulum yang sedia ada akan kekal dari segi kandungannya, tetapi mata pelajaran akan diajar dengan menggunakan teknologi multimedia serta pendidikan berbantu komputer.

Pada peringkat permulaan, pendidikan berbantu komputer akan melibatkan empat mata

pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

Guru-guru dalam perkhidmatan dan juga guru-guru pelatih akan diberikan latihan yang menekankan kepada keupayaan menggunakan teknologi moden.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Smart School atau Sekolah Bestari yang pertama diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Ogos apabila menyenaraikan 8 aplikasi multimedia super corridor, termasuk Smart School. Ini adalah definisi sekolah yang spesifik di mana ada kelengkapan IT yang terkini untuk memupuk satu generasi baru yang berfikir.

Bukankah ini bererti, bukan sahaja ia adalah sekolah-sekolah yang spesifik, tetapi perlulah usaha-usaha untuk memastikan bahawa semua sekolah pun boleh menjadi lebih smart atau lebih bistari selain daripada sekolah yang dicapkan sebagai Sekolah Bestari perlu menentukan bahawa semua sekolah—sebanyak 8,500 sekolah ini pun boleh lebih smart daripada sekarang dan bukannya masalah besar ialah pelaksanaan?

Tahun lepas ada Wangsa Net di mana kalau tidak silap, Ahli Parlimen dari Wangsa Maju ada menderma 60 buah komputer kepada 60 buah sekolah di kawasannya untuk connecting over the net, tetapi baru-baru ini didapati ada sebuah sekolah di mana mereka tidak tahu ada modem yang boleh menghubungkan kepada Internet. Boleh gunakan modem. Bukankah ini menunjukkan boleh ada pelan-pelan yang cantik dan indah, tetapi dalam pelaksanaan, mungkin tidak boleh mencapai sekolah-sekolah yang smart atau lebih smart memandangkan 60 buah sekolah dalam Wangsa Net pun tidak boleh beroperasi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukan sahaja (*Disampuk*) bercakap kepada

umum, tetapi memberikan Dewan ini kemajuan tertentu dari masa ke semasa apakah kemajuan yang dicapai mengenai tujuan bestari? Kalau tidak bestari, jangan cakaplah! (*Disampuk*)

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Yang Berhormat pun belum cukup smart. (*Disampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya cakap, Yang Berhormat pun belum cukup smart! (*Disampuk*)

Beberapa Ahli: Ya, betul!

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Seorang Ahli: Belum bestari!

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Baik, dalam jawapan tadi saya sudah kata, betul. Saya bersetuju dan kita semua pun bersetuju apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata tentang pengkhususan yang kita tumpukan. Tetapi dalam jawapan saya jelas mengatakan semua sekolah pun kalau ia mengandungi asas-asas yang diperlukan, akan dijadikan Sekolah Bestari. Apa maksudnya? Untuk itu apa persiapan kita?

Pertama sekali, kita sudah bentuk satu pasukan petugas untuk melaksanakan ini — Yang Berhormat tanya tadi. Kita bentuk satu jawatankuasa petugas yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia sendiri. Di bawahnya ada dua jawatankuasa teknikal yang meneliti macam mana cara hendak buat. Apa kerja jawatankuasa teknikal ini, ia akan melihat semua 8000 buah sekolah ini, macam mana cara kita hendak menjadikan sekolah ini ke peringkat atau taraf bistari ataupun tidak, ada aspek-aspek teknikal yang sudah kita gariskan.

Mana contohnya? Misal kata, nombor satu sekali dari segi kemudahan asas di sekolah ini. Apa makna kemudahan asas?

Nombor satu sekali bekalan elektrik. Saya pun sudah beri kepada Yang Berhormat banyak mana sekolah yang tidak ada elektrik—2,000 lebih! Ya. Kita tahulah buat itu!

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*) (*Menyampuk*)

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Nantilah dulu! (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Nanti-nanti, tidak cukup, selesaikah belum?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ya?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak cukup, selesaikah belum?

Seorang Ahli: Duduklah!

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Duduklah, jangan bisinglah. You want to know something, I am trying to explain to you so that you'll be smart, understand! dengan izin. (*Ketawa*)

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ada asas-asas. Misal kata sekolah, nombor satu sekali kalau tidak ada elektrik ialah tugas kerajaan Barisan Nasional, tahu? (*Memandang ke arah Yang Berhormat dari Tanjong*) ialah untuk melengkapkan sekolah-sekolah ini dengan bekalan elektrik yang cukup. Itu langkah pertama.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Nantilah! (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Okay!

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Langkah kedua, ini contoh, Tuan Yang di-Pertua, langkah kedua sekolah-sekolah yang ada sekarang ini bekalan elektrik peringkat satu hendak bekalkan komputer dengan cukup ini, hendak jadi smart school ini kena tingkatkan tarafnya

kepada tiga peringkat. Jadi, kalau saya hendak beri kursus kepada Yang Berhormat, panjang cerita ini! Saya hendak kata sedikit-sedikit yang jelas-jelas. Lagi satu contohnya, pemilihan sekolah ini keutamaannya! Kalau dalam bandar hendak sekolah bestari, luar bandar pun lagi mahu banyak sekolah bestari termasuk kampung-kampung baru!

Tuan Lim Kit Siang: Cukup!

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Okay, okay. (*Ketawa*) Jadi, ini, Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang kita buat. Ada! Melalui Jawatankuasa Petugas yang kita telah bentuk ini, technical committees yang telah kita bentuk ini. Kita uruskan benda ini dan, Insya-Allah, kita akan melaksanakan secara baik dan mengikut kemampuan dan keupayaan kitalah. Terima kasih.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Timbalan Menteri Pendidikan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana dapat ataupun cuba mewujudkan 'smart schools' ataupun sekolah bestari yang saya percaya sekolah-sekolah ini akan menjadi sekolah world class, students world class, cikgu world class, sekolahnya pun world class. Okay, saya ucapkan tahniah. Apa yang saya dengar daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa Yang Berhormat menyebut dalam jawapan menyentuh soalan asal tadi, iaitu prasarana yang sesuai bagi sekolah-sekolah bistari ini selain daripada elektrik, apakah perkara-perkara yang disebutkan prasarana yang sesuai yang dinamakan sekolah bistari dan adakah ia dilengkapi dengan asrama dan boleh digunakan oleh sekolah-sekolah jiran bagi mendapat faedah daripada kemudahan-kemudahan sekolah bistari ini? Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat yang bertanya ini lebih smart daripada Yang Berhormat dari Tanjong

tadi. (*Ketawa*) Jadi, Tuan Yang di-Pertua, asas-asas ini memang sudah kita gariskan termasuklah seperti keperluan-keperluan selain daripada elektrik, bilik darjahnya, kesesuaian tempat itu yang telah kita mula teliti. Macam pemilihan sekolah-sekolah harus mengambil kira penyertaan dari pelbagai aspek seperti bandar, luar bandar, sekolah satu sesi, dua sesi, peralatan dan lain-lain. Jadi, semuanya itu, kalau misal kata, ada kekurangan bilik darjah untuk dijadikan lab untuk meletakkan komputer di sini, semua keperluan itu mesti kita sediakan supaya bila hendak dilaksanakan sekolah atau dinaikkan taraf ini ke peringkat sekolah bistari, kemudahan-kemudahan asas itu mesti lengkap dahulu dan ada garis-garis panduan yang telah pun kita buat melalui Jawatankuasa Petugas ini.

PPRT—PROSEDUR PENGURUSAN

15. Cik Sukinam Domo (Batang Sadong) minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan mengapakah urusan meluluskan permohonan untuk menyertai PPRT mengambil masa begitu lama. Apakah prosedur pengurusan PPRT.

Menteri Pembangunan Luar Bandar (Dato' Haji Annuar bin Haji Musa): Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, saya bagi pihak-kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Batang Sadong yang telah membangkitkan perkara ini dan saya amat berbesar hati kalau sekiranya Yang Berhormat yang berkenaan dapat memberikan butir-butir yang spesifik, yang lebih lanjut kepada saya untuk tindakan selanjutnya. Ini adalah kerana kerajaan memandang amat serius tentang kelambatan meluluskan permohonan projek-projek terutama sekali projek di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin.

Walau bagaimanapun, untuk menjawab soalan dikemukakan oleh Yang Berhormat, sukalah saya menjelaskan bahawa kriteria untuk memohon projek

ini ialah seseorang itu haruslah termasuk dalam senarai PPRT yang disediakan dan senarai ini disiapkan dan disemak semula pada setiap dua tahun sekali dan bancian terakhir telah kita selesaikan pada tahun ini dan kementerian sedang dalam proses mengedarkan senarai ini kepada semua pejabat di peringkat negeri dan daerah-daerah.

Oleh kerana satu daripada punca kelewatan adalah kerana penyediaan senarai yang lengkap ini memakan masa. Mulai pada tahun ini, kita menggunakan pendekatan senarai terbuka iaitu kalau seseorang itu miskin tetapi namanya tidak terdapat dalam senarai induk, kita akan tetap juga memberikan kebenaran mereka memohon. di mana mereka hanya perlu mengisi borang dan didaftarkan secara automatik dengan syarat D.O. sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kemiskinan Daerah dapat mengesahkan yang ia benar-benar tercicir daripada senarai yang sedemikian.

Walau bagaimanapun, untuk negeri Sarawak, sukacita saya memaklumkan, Majlis Pembangunan Negara telah mengambil perhatian, bagi negeri Sabah dan Sarawak perlu ada tindakan-tindakan yang lebih khusus bagi memastikan pelaksanaan program PPRT lebih berkesan dan ini antara lain termasuklah mewujudkan serta mengemaskini data profil rakyat termiskin dan melaksanakan projek-projek PPRT secara bersepadu, menjalankan penyelarasan penyediaan pelan tindakan PPRT bagi semua daerah-daerah terutamanya di Sabah dan Sarawak serta beberapa program-program tertentu sebagai tindakan susulan.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk memberikan penegasan bahawa kementerian tidak bertolak ansur sama sekali dengan pelaksanaan projek PPRT yang lambat dan sebab itulah saya ingin mendapat maklumat yang lebih lanjut, kalau lambat itu projek jenis apa, di mana tempat dan siapa yang terlibat untuk membolehkan saya mengambil tindakan yang selanjutnya. Terima kasih.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Dato' Menteri sedar bahawa terdapat setengah-setengah pegawai daerah di negara kita ini di mana senarai-senarai mengenai PPRT ini diangkat kepada pihak yang berkenaan untuk mendapat kelulusan tidak berbincang terlebih dahulu dengan wakil-wakil rakyat terutama sekali ahli-ahli Parlimen bagi menentukan priority ke atas mereka yang perlu berhak diberi keutamaan di dalam projek ini.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini ada dalam pengetahuan kementerian. Sebab itulah kementerian baru-baru ini telah membuat pengu-bahsuaian kepada Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan peringkat daerah di mana selain daripada D.O. yang menjadi pengerusi Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan, kita dalam proses melantik co-chairman yang terdiri daripada wakil-wakil rakyat supaya wakil-wakil rakyat terlibat secara langsung di peringkat Jawatankuasa Pembasmian PPRT ini. Adalah menjadi harapan saya agar semua wakil rakyat memainkan peranan secara aktif bagi menjayakan program ini.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa di Sabah, permohonan untuk mendapat bantuan PPRT ini seolah-olah sulit sekali sebagai rahsia besar kerajaan sehingga rakyat yang betul-betul memerlukannya tidak tahu cara dan siapa yang dapat meluluskan bantuan ini dan kalau Yang Berhormat sedar, apakah tindakan untuk memperjelaskan lagi cara-cara untuk memohon bantuan PPRT ini di negeri Sabah atau mungkin di seluruh negara.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, PPRT tidak lagi menjadi rahsia. Jenis-jenis bantuannya saya percaya kita semua tahu, lebih-lebih lagi Ahli-ahli Yang Berhormat tahu. Kalau ada di kalangan rakyat yang miskin tetapi

tidak tahu, saya harap Yang Berhormat menerangkan kepada rakyat dan pengundi Yang Berhormat di kawasan masing-masing. Dan kalau Yang Berhormat masih menghadapi sebarang masalah, Yang Berhormat boleh maklumkan kepada saya.

PERUMAHAN/BANDAR BARU DALAM TAMAN— TINDAKAN

16. Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Putih) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah tindakan kementeriannya dalam mewujudkan satu-satu kawasan perumahan baru dan bandar-bandar baru supaya kawasan tersebut wujud dalam satu suasana kawasan perumahan dalam taman dan juga suasana bandar dalam taman. Adakah kementeriannya bercadang untuk mewajibkan sistem satu rumah satu pokok.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, ke arah mewujudkan kawasan perumahan dalam taman, pihak berkuasa perancang tempatan memang mengenakan syarat bahawa sebahagian tapak pembangunan dikhaskan sebagai kawasan lapang yang boleh ditanam pokok dan dijadikan ruang kehijauan. Biasanya tidak kurang dari 10% disyaratkan bagi maksud ini. Dalam meluluskan pelan pembangunan, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam Tahun 1984 membolehkan pihak berkuasa tempatan mewajibkan pemaju membuat landscape sebagai garis panduan nisbah pokok dengan rumah yang digunakan ialah 2 pokok untuk satu rumah berkembar atau rumah sesebuah. Bagi rumah teres pula, satu pokok untuk satu atau dua unit rumah. Sekian.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan lebih banyak pokok ditanam dan dijaga baik supaya konsep garden city ini menjadi kenyataan, adakah kementerian berhasrat untuk menubuhkan satu jabatan landscape

di peringkat negeri atau peringkat majlis perbandaran di mana peruntukan yang lebih dapat disalurkan kepada jabatan landscape di peringkat negeri?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian telah menubuhkan satu Jabatan Landskap Negara di peringkat kementerian. Buat masa sekarang ini, jabatan ini sedang mengkaji cara yang terbaik untuk memperluaskan usaha-usaha merealisasikan hasrat kerajaan, iaitu negara dalam taman. Kalau sesuai kita akan mengadakan cawangan-cawangan jabatan ini di peringkat negeri—jikalau perlulah. Tetapi buat masa sekarang kita haraplah dengan program-program yang akan dijalankan kelak, kita akan mendapatkan kerjasama daripada pihak jabatan-jabatan yang lain dan juga termasuk pihak berkuasa tempatan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bagi menggalakkan dalam mencapai matlamat garden city dan melibatkan semua taman dan semua 'householder', adakah kerajaan akan mengkaji, menimbang supaya buat recommendation kepada semua majlis-majlis tempatan memberi rebate cukai pintu. Kalau semua tuan punya rumah melibatkan dalam tujuan garden city, diberi satu rebate cukai pintu?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tidak ada rancangan. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa soal-jawab sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 5, 6, 13, 17 hingga 34 akan dijilid dalam buku berasingan)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1997

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Rang Undang-undang Perbekalan 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM17,268,654,900 (Ringgit Malaysia tujuh belas bilion, dua ratus enam puluh lapan juta, enam ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1997, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 1996, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang ber-setentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut." *(29hb Oktober, 1996)*

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kubang Kerian, sila sambung.

3.35 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian): Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Tuan Yang di-Pertua, menyambung perbahasan kelmarin, iaitu Kerajaan Malaysia ada Jabatan Perdana Menteri, ada MITI, ada Kementerian Kewangan, ada KDN. Di sini, kementerian-kementerian ini, terutama sekali JPM membuat perancangan untuk membangunkan Malaysia di segi penduduk, keselamatan. Kemudian, rancangan dibuat untuk 5 tahun, untuk 20 tahun. Tetapi yang kita lihat, kerajaan seolah-olah hilang kekuasaan, hilang kontrol, tidak berupaya untuk mempertegaskan dasar-dasar yang digariskan sendiri oleh pihak kerajaan.

Misalnya, saya sebut kelmarin kedatangan buruh asing, tentulah pihak kerajaan telah menentukan setakat mana pembangunan yang dimahukan menjelang tahun 2000 atau menjelang tahun 2005; berapa buah kilang, berapa luas tanah yang hendak diguna pakai. Tetapi kita lihat perancangan-perancangan yang digariskan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri kadangkalanya tidak diikuti. Kerajaan-kerajaan negeri bebas untuk meluluskan tanah-tanah dan Kerajaan Pusat ikut untuk meluluskan pendirian kilang-kilang sehinggalah kita menghadapi masalah pendatang asing sekarang ini. Kerajaan kata yang datang secara sah di negara kita pekerja asing lebih kurang 1 juta, yang haram 2 juta. Ini kegagalan yang cukup dahsyat. Kalau yang sah sejuta, yang haram 10,000, itu memanglah kegagalan biasa. Tetapi kalau yang sah sejuta, yang tak sah 2 juta, ini kegagalan yang cukup dahsyat. Ertinya, kerajaan gagal untuk mempertahankan dasar yang digaris sendiri oleh pihak kerajaan.

Memberi lesen kepada pengimport-pengimport buruh seolah-olah mengimport atau berniaga hamba abdi sudah menjadi perniagaan baru kepada syarikat-syarikat yang diluluskan oleh KDN. Mereka mendapat kaya cepat. Di Malaysia ada 2

perniagaan yang mudah; satu berniaga buruh asing, satu lagi berniaga tol lebuh raya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak beri jalan kepada Yan?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya terasa terharu bila berniaga hamba abdi. Hamba abdi ini di zaman dahulu. Tetapi macam mana pandangan Yang Berhormat, kalau kita tidak ada satu agensi untuk menyelaraskan kemasukan orang-orang buruh asing, adakah kita hendak biar dia masuk sendiri, kemudian kita hendak tapis dalam negeri? Saya ingat lagi celaru. Jadi, saya ingat Yang Berhormat tolong beri cadangan kepada kerajaan kalaulah sistem sekarang ini tidak kena? Terima kasih.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Agensi buruh asing ini banyak ditegur sendiri oleh pihak Barisan Nasional, terutama Yang Berhormat dari Pokok Sena. Misalnya diberi lesen untuk import kepada satu syarikat untuk import pekerja Bangladesh 20,000. Betulkah majikan itu dapat tunjuk bahawa ada kilang memerlukan 20,000 pekerja. Dia hanya diberi lesen untuk mengimport 20,000 tanpa ditunjuk kepada pihak kerajaan, iaitu ada kilang memerlukan 20,000 pekerja. Dengan secara sah, maka diimport 20,000 untuk mendapat wang segera. Ini berlaku kepada saudara Tajuddin bin Abdul Rahman, yang kita lihat bagaimana dia mendapat kekayaan segera hasil daripada lesen mengimport pekerja asing. Memang hamba abdi itu tidak sesuai digunakan. Cuma saya kadang-kadang sebut perkataan itu. Memang kadangkala pelaksanaannya sudah menjadi perniagaan hamba dalam negara kita.

Jadi, kita lihat lesen-lesen yang dikeluarkan itu kerajaan sendiri tak kontrol. Ertinya kalau diberi lesen untuk

import 5,000, mesti ditunjukkan bahawa dia hendak import 5,000 itu ada kilang yang memerlukan. Tetapi diimport sahaja, kadangkalanya kerja tidak disediakan terlebih awal. Maka jadilah kepincangan yang dahsyat sekarang ini hasil daripada perancangan kerajaan yang tidak dipatuhi. Siapa yang berkuasa dalam Parlimen ini, kita selalu dengar bahawa Kementerian Dalam Negeri, polis dan tentera tak boleh kawal pantai yang panjang. Ini bahaya, kenyataan-kenyataan seperti ini.

Sebuah kerajaan yang berdaulat, bercakap begini berkali-kali—ini bahaya. Nasib baik negara kita sekarang aman dan tenteram, tidak ada ancaman sempadan. Kalau ada negara luar yang mengancam, kenyataan begini dalam Parlimen, iaitu Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan gagal mengawal pantai—ini dahsyat. Kalau pembangkang tidak apa, ini Ahli Parlimen kerajaan dan kadang-kadang Kementerian Dalam Negeri mengatakan demikian, iaitu kita gagal mengawal pantai kita—merbahaya. Sekarang 3 juta pekerja asing, tidak apalah mereka datang bekerja, tetapi kalau mereka pusingkan kehadiran mereka itu dan menjadi pasukan militer? Habis. Apa kita hendak buat? Sebab itu kita haraplah jangan ulang—kerajaan tidak mampu mengawal pantai, kerajaan tidak mampu menjaga pantai kita yang panjang, kalau ada sedikit-sedikit pun kelemahan, jangan ulang dalam Parlimen, kerana ini malu dan merbahaya menyebabkan orang luar mendengar berita itu “oh! Malaysia—kita boleh masuk sekarang.

Surat khabar *Utusan* minggu lepas memberitahu 30,000 orang pekerja Bangladesh sedang tunggu di Sempadan Malaysia-Thai. Seolah-olah satu ketumbukan pasukan asing untuk masuk ke Malaysia sekarang—30,000. Dalam Parlimen kita kata kerajaan gagal mengawal sempadan, ini memberi publisiti yang baik kepada orang asing untuk masuk ke Malaysia, tambahan pula kenyataan itu datang dari kerajaan, bukan dari pembangkang. Kalau dari Pembangkang,

tidak apa. Boleh dikatakan kami ini iri hati dan sebagainya, tetapi datang dari kerajaan—merbahaya. Pembangkang atau kerajaan, ini tanah air kita, ini kerajaan kita, perkara-perkara seperti ini kita kena jaga.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian—dahulunya diputuskan oleh Kabinet—diimport pekerja asing hanya untuk perladangan, kemudian diubah pula kepada sektor perindustrian, kemudian diubah pula kepada sektor perkhidmatan, perhotelan. Saya hendak tanya, di sini siapa yang berkuasa menentukan dasar? Kerajaan atau majikan? Nampaknya majikanlah yang berjaya menentukan dasar, bukan kerajaan. Kalau tidak, tidak jadi beginilah di Malaysia sekarang ini, iaitu kita lihat kerajaan ikut sahaja apa kehendak majikan. Kerajaan hanya berkuasa terhadap pembangkang, kepada pelajar, kepada aktiviti NGO, kita nampak mereka berkuasa, tetapi kepada majikan, kerajaan Malaysia hilang kuku dan hilang upaya untuk menguasai mereka, sehingga keputusan Kabinet boleh diubah-ubah, semata-mata untuk memenuhi selera majikan. Jadi, yang berkuasa, kita bimbang bukan kerajaan, tetapi yang berkuasa ialah tauke-tauke di Malaysia. Barangkali inilah yang ditangisi oleh Perdana Menteri dalam Perhimpunan Agung UMNO, hasil politik wang, akhirnya tauke-tauke menguasai Malaysia—satu hari nanti bukan lagi kerajaan yang berdaulat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perancangan ekonomi kita ada Unit Perancang Ekonomi Negara. Adakah kerajaan ikut pandangan-pandangan mereka? Ataupun pandangan mereka diterima pakai ketika hendak membenarkan sesuatu rancangan dalam Parlimen, selepas itu dilanggar habis. Unit Perancang Ekonomi Negara entah ke mana, pandangan MIER entah ke mana, pandangan Unit Perancang Penduduk entah ke mana, yang paling penting ialah tunduk kepada kehendak tauke-tauke yang hendak mengaut keuntungan dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, Kabinet memang berkuasa, Kabinet boleh menentukan—kalau dia hendak Michael Jackson datang—datang. Rakyat buatlah tunjuk perasaan, sembahyang hajat, itu tidak ada apa-apa. Saya sendiri depan Masjid Negara tunjuk perasaan, dengan rombongannya pula sembahyang hajat dalam Masjid Negara—Kabinet berkuasa, tetapi Kabinet tidak boleh berkuasa kepada tauke-tauke—ini yang menghairankan. Kepada rakyat, kepada kami, Kabinet cukup berkuasa. Bantahlah Persatuan Pelajar, bantahlah Persatuan Ulama, sebab keputusan Kabinet sudah menjadi tuhan, tetapi kepada tauke-tauke, kepada orang-orang kaya, Kabinet tunduk kepada mereka sehingga kehendak peniaga-peniaga dan tauke-tauke itu menyebabkan orang asing ada 3 juta di negara kita sekarang yang menimbulkan berbagai masalah, yang telah didedahkan sendiri oleh backbencher daripada Barisan Nasional. Yang saya bimbang, back-bencher Barisan Nasional pun yang menyuarakan pandangan ini kadangkala tidak didengar oleh Kabinet.

Wakil-wakil rakyat sudah jadi macam kelab eksklusif, kelab minum teh, sebab pandangan-pandangan bukan dari pembangkang sahaja, termasuk daripada backbencher. Hal-hal pendatang haram yang saya kemukakan, sejak saya masuk Parlimen tahun 1990 dahulu sampai sekarang, tetapi masalah bukan berkurangan, masalah makin bertambah—makin hari makin dahsyat dalam negara kita sekarang kerana tauke menguasai kerajaan dan bukan kerajaan menguasai tauke.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat sekarang masalah passport palsu dan kad pengenalan palsu begitu banyak sekali berlaku di Sabah dan di lain-lain tempat. Cara mengatasinya dikenakan ISA kepada orang yang melakukan. Kenapa yang dikenakan ISA, tidak didakwa di mahkamah? Apakah kerajaan hendak melindungi satu-satu sindiket? Ini perkara yang kita kena ambil perhatian, sebab kami dahulu pun di tahan bersama dalam Kem Kemunting dengan

mereka yang memalsukan passport, yang memalsukan kad pengenalan. Mereka kata, kalau didedahkan di mahkamah kami akan cerita apa yang sebenarnya berlaku. Tetapi kita pun menjadi tanda tanya mengapa kesalahan-kesalahan seperti ini tidak didakwa di mahkamah—masalah passport palsu, membuat passport palsu, kad pengenalan palsu dan lain-lain perkara yang palsu yang banyak berlaku di Malaysia sekarang ini.

Begitu juga kita lihat sekarang masalah depot-depot tahanan kita yang didedahkan oleh Tenaganita sehingga ketuanya terpaksa sekarang dihadapkan ke mahkamah kerana dikatakan membuat tuduhan-tuduhan palsu. Tetapi kita lihat, mereka ini kadangkala yang dibawa masuk ke Malaysia ada SPLP—sijil kerja mereka di Malaysia ini, tetapi sijil itu dipegang oleh majikan. Bila mereka berjalan keluar berkeliaran, mereka tidak membawa sijil, mereka hendak minta kepada majikan, majikan tidak beri, dinasihatkan oleh majikan pergi report polis. Bila report polis, polis tangkap mereka—13 orang pendatang Banglades sekarang yang sedang ditahan di Pusat Tahanan Langkap, Perak. Mereka itu ada SPLP, tetapi ditahan oleh majikan dan mereka tidak bawa, mereka sekarang ditahan. Jadi, masalah ini, masalah yang saya sebut kehadiran 3 juta pendatang asing ini, KDN sendiri yang bawa masalah.

Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab, yang menterianya adalah Perdana Menteri, Timbalan Menteriya bebas mengeluarkan lesen kepada adik-beradiknya sehingga kita lihat mereka menjadi satu sumber pendapatan mereka yang hendak menjadi kaya cepat melalui import pendatang asing melalui Kementerian Dalam Negeri yang tanggungjawabnya menjaga keamanan negara, tetapi Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab seolah-olah memperakperandakan negara sekarang kerana import pekerja asing kepada kawan dan taulan diberi dengan begitu mudah tanpa check yang teliti. Saudara kita Yang

Berhormat dari Parit Sulong mendedahkan bagaimana anggota sebuah balai polis di Batu Pahat di tukar kerana didapati mereka terlibat dalam rasuah, datang semua pegawai baru—berlaku begitu juga kemudiannya. Ertinya kawalan daripada pihak Kementerian Dalam Negeri sendiri begitu "loose" dalam masalah ini. Saya kata kita bernasib baik kerana di sempadan kita sekarang tidak ada masalah di sudut peperangan, tetapi kalaulah kita ada dalam situasi itu, alangkah malangnya kita!

Yang Berhormat dari Pokok Sena banyak menimbulkan masalah ini, sehingga menjerit-jerit dia bercakap dahulu, tetapi perkara ini masih terus berlaku kepada negara kita hingga sekarang, kerana Kementerian Dalam Negeri itu sendiri yang membawa masalah yang besar kepada negara kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, siapa yang berkuasa? Ini yang menimbulkan persoalan, kalau kerajaan tiada kuasa, dia bukan kerajaan! Sebenarnya kalau Kerajaan Malaysia ada kuasa, kita puji! Bukan kita tidak suka, kerajaan ada kuasa. Misalnya, kelmarin didedahkan oleh Ahli Yang Berhormat Parit Sulong, tahniah ucapannya disiarkan secara penuh dalam akhbar, selalunya yang dapat ucapan siaran penuh ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan! Ini Parit Sulong dapat, tahniah!

Saya bimbang kalau ada udang di sebalik batu kerana kita baca surat khabar hari ini, masalah YTL iaitu Khazanah Holdings yang hendak tanam modal sebanyak RM2.5 bilion kepada YTL ini, sebenarnya projek ini yang hendak dilabur di Hong Kong ini telah dicadang untuk dibatal oleh YTL sendiri. Kenapa sudah ada cadangan untuk membatalkan projek ini, baru ditimbulkan di Parlimen ini? Di manakah kuasa Menteri Kewangan? Bukankah Menteri Kewangan yang paling berkuasa terhadap Khazanah Holdings? Menteri Kewangan berkuasa terhadap EPF! Menteri Kewangan berkuasa

terhadap perjalanan Tabung Haji tetapi kenapa ianya timbul sekarang dan disiarkan secara penuh dalam dua akhbar utama ketika syarikat ini telah hendak membatalkan projek ini?

So, bagi saya ada persoalan di sini! Dan kenapa diberi ucapan penuh dalam dua akhbar ini? Satu question mark berlaku disini? Apa sandiwara Kementerian Kewangan hendak main di sini? Kalau Menteri Kewangan tidak lulus dari awal kepada YTL RM2.5 bilion, beliau berkuasa! Sebab beliau adalah Menteri Kewangan dan juga Timbalan Perdana Menteri tetapi kenapa setelah projek ini hendak ditangguhkan oleh syarikat ini, barulah didedahkan. Parit Sulong seolah-olah membuka satu gap, seolah-olah macam ada rayuan daripada Menteri Kewangan iaitu syarikat-syarikat yang hendak melabur di luar negeri eloklah ambil modal dari luar negeri. Kemudian didedahkan secara panjang, kemudian diumumkan oleh pihak YTL hari ini iaitu mereka memang hendak batal.

Ertinya, kalau syarikat itu tidak batal, ertinya wang negara kita sudah pergi ke Hong Kong RM2.5 bilion. Ini yang saya boleh faham sebagai seorang bukan ahli ekonomi? Sebab kata pihak syarikat itu jika cadangan pemilikan CEPA itu dilaksanakan, selain Khazanah membayar RM2.5 bilion tunai, YTL Corporations memerlukan sumber kewangan sendiri sebanyak RM1.857 bilion dan RM2.250 bilion menerusi Kumpulan Pinjaman dari bank.

Ertinya, syarikat ini sendiri sudah memang hendak letakkan YTL dalam bursa saham, baru ditimbul. Sedangkan kalaulah syarikat ini tidak bercadang untuk membatalkan program tanam modalnya di Hong Kong, barangkali wang kita, Khazanah Holdings itu RM2.5 bilion ini terlepas ke Hong Kong. Barangkali skandal seperti BMF akan berulang.

Ini pihak Kementerian Kewangan, Menteri Kewangan kena jelaskan jawapan ini sejelas-jelasnya kerana ia menjadi

satu berita hangat pada hari ini dan menjadi hairan, kenapa ucapan seorang Ahli Parlimen disiarkan penuh, penuh dalam akhbar. Ini juga menjadi satu kehairanan kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi kenapa YTL begitu berkuasa? Kadar-kadar harga elektrik bukannya diluluskan oleh Menteri? Bukankah diluluskan oleh Menteri Tenaga? Kenapa kita condem YTL? Adakah YTL lebih berkuasa menentukan dasar atau kerajaan? Sebab itu saya nampak sekarang terlalu banyak loop hole dalam kerajaan kita? Sama ada dalam KDN atau kementerian lain, kita nampak syarikat-syarikat inilah yang menentukan segala-galanya. Kerajaan atau kementerian turut kehendak syarikat-syarikat tersebut.

Saya ambil contoh lagi satu, bila diumumkan oleh Menteri Besar Selangor, konsert Michael Jackson tidak dibenarkan di Shah Alam. Syarikat yang buat asap, selalu bila ada pertunjukan rock ini dia ada asap; Smoke! asap itu, dia kata yang ini haram, mesti boleh berlaku di tempat lain. Seolah-olah dia tahu dah akan diluluskan ditempat lain. Begitu berkuasanya syarikat. Paling terkejut pula kita, ialah yang membawa Michael Jackson ke Malaysia ini ialah Syarikat Mutiara Telekom, yang pengerusinya bekas Setiausaha Agung ABIM, Datuk Kamaruddin Jaafar. Yang kita tahu, orang-orang ABIM ini bercakap soal akhlak, budaya. Bahkan Menteri Kewangan semasa dia Presiden ABIM dulu, tarian kompiang dan pintu gerbang pun dia tentang. "Kita tidak mahu lahirkan belia kompiang dan pintu gerbang" Saya boleh hafal ucapan dia, tapi sekarang mengejutkan, Time Telecom yang pengerusinya bekas Setiausaha Agung ABIM membawa Michael Jackson. Sebab itu saya lihat rencana pengarang *Utusan* dan *Berita Harian* seolah-olah memuji konsert itu dan merestui konsert itu kerana orang mereka, tauke mereka terlibat dalam membawa Michael Jackson. Berkuasanya syarikat-syarikat di Malaysia!

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga dalam masalah tokoh usahawan Malaysia, Halim Saad dan isterinya. Kita tidak mahu bincang hal rumahtangga mereka. Soal dia hendak cerai ke apa, itu hak mereka. Yang hendak saya terangkan di sini, bagaimana berkuasanya korporat. Bomoh yang ditemui oleh isteri Halim Saad dan bomoh itu memberi khidmat, macam mana dia beri khidmat itu telah diulas dalam *Business Times* dengan panjang. Soalnya, bagaimana tokoh korporat itu boleh pengaruh Kementerian Dalam Negeri supaya bomoh itu dibuang daerah tanpa disiasat dan dibuang daerah kononnya menyebarkan ajaran sesat! Adakah polis menyiasat? Jabatan Agama menyiasat? Tetapi itu tidak penting, oleh kerana ini Halim Saad maka bomoh itu dibuang daerah. Ini konspirasi yang berlaku bagaimana berkuasanya tauke-tauke di Malaysia sekarang ini.

Begitulah juga kita lihat tauke-tauke judi kecil dibuang daerah. Kadangkalanya, tauke-tauke judi ini dibuang, kita setuju tapi yang kita bimbangkan ialah ada kompelin dari tauke judi besar iaitu tauke-tauke judi halal! Halal dalam bracket ya, iaitu Toto dan lain-lain lagi—tiga nombor ekor, empat nombor ekor sebab wujudnya judi-judi haram ini menyebabkan judi yang dilesenkan kurang berpendapatan. Tekanan dari tauke-tauke judi yang ada lesen ini kepada polis. Ada polis mengambil tindakan? membuang daerah mereka tanpa siasatan yang lebih lanjut kerana tekanan daripada tauke-tauke judi yang besar. Yang saya hendak tekankan di sini sekarang, siapa yang berkuasa di Malaysia, Kerajaan atau tauke?

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang banyak berlaku dalam Malaysia sekarang kita lihat, dadah semakin bertambah! Ahli-ahli Parlimen bila umum sahaja budget, dia tepuk! Bila diumumkan peruntukan untuk Yayasan AIDS RM10 juta, tepuk. Patutnya kita kena sedih! Sebab dulu untuk AIDS RM0 sekarang RM10 juta. Dulu AIDS tidak ada, sekarang AIDS ada! Tapi kira tepuk sahaja! Apa

yang diumumkan tepuk! Penagih dadah RM200,000, hard core! Di kali dengan empat yang cuba-cuba dan yang belum lagi sampai ke peringkat hard core sudah 800,000, ini diketahui umum. Kemudian PEMADAM, kita lihat diletakkan orang-orang yang hendak mengatasi masalah dadah tidak serius! Diletakkan bekas-bekas orang pencen, bekas Wakil Rakyat Titiwangsa, bekas Wakil Rakyat Bukit Bintang, bukan diletakkan orang-orang yang berwibawa diletak di PEMADAM. Kalau kita serius, letaklah Ahli Parlimen yang ada pun tidak apa, pembangkang sama, kemudian letaklah bekas-bekas Hakim ke, orang-orang yang dihormati. Ini letak bekas-bekas pencen yang kalah di peringkat bahagian.

Jadi, kita nampak tidak serius. Sekarang kita berbelanja lebih RM1 juta satu hari, nasib baik Menteri Kewangan tidak umum, kalau diumumkan pada hari itu, "tahun ini kita peruntukkan kerana hendak menyelesaikan masalah penagih dadah RM500 juta"—Tepuk semua. Pada hal ini satu mala petaka kepada negara yang perlu kita cari jalan untuk menyelesaikan bersama. Yayasan AIDS dapat RM10 juta, kanser dapat RM5 juta, pengidap kanser lebih ramai daripada AIDS. Kalau kita beri RM10 juta kepada Yayasan AIDS untuk memerangi AIDS saya terima, kita setuju. Tetapi kita bimbang diberi itu kerana ia anak Perdana Menteri yang menguasai di situ. Maka kita beri lebih? Yang kanser kita beri kurang, maka ini kita berasa tak seronoklah kalau niatnya begitu. Kalau niatnya serius untuk membasmi AIDS atau untuk menyelesaikan masalah AIDS bukan setakat RM10 juta, malahan lebih lagi pun tidak mengapa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, NGO-NGO juga mendapat bantuan kali ini, pertubuhan-pertubuhan wanita, unit-unit kaunseling kerana masalah keruntuhan moral yang banyak, lari daripada rumah, bercerai

makin tinggi, rogol yang meningkat. Sehingga seorang pensyarah di Universiti Malaya memberi tunjuk kepada kami angka-angka rogol, diletak graf sampai naik begitu, bukan naik sedikit-sedikit, naik macam menegak—peratus rogol yang berlaku di Malaysia sekarang. Alasan mengatakan dahulu berlakunya rogol kerana hendak tengok tumit orang perempuan pun tak boleh. Bila dicampuradukkan takkan berlaku rogol—lagi banyak. Bahkan di Amerika kejadian rogol begitu hebat sekali walaupun mereka bergaul, pergaulan bebas daripada kecil. Teori pergaulan daripada awal lelaki perempuan untuk mengelakkan rogol sebenarnya tidak berlaku bahkan di Barat sendiri membuktikan bahawa pergaulan bebas akhirnya membawa perogolan yang lebih banyak berlaku kepada rakyat mereka sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kita dijajah oleh pelbagai penjajah dahulu oleh Portugis, Jepun, Siam dan Inggeris. Lebih 400 tahun kita dijajah, satu perkara yang kita kena akui, orang Melayu kebal dengan pegangan mereka kepada agama Islam. Kita tak dengar rekod orang Melayu murtad ketika kita dijajah oleh Inggeris dahulu. Tahniah kepada datuk nenek moyang kita, mereka boleh menjaga akhlak walaupun ada orang-orang Melayu yang sifat lara perangai, yang main judi, yang jahat tetapi 'renounced' untuk menukar agama mereka tidak sama sekali.

Peranan yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin umat Islam terdahulu, di zaman British menyebabkan orang Melayu, orang Islam kekal dengan agama Islam, bahkan orang bukan Islam memeluk agama Islam pun dipanggil masuk Melayu kerana bangsa Melayu itu adalah beragama Islam seolah-olah masuk Islam itu masuk Melayu kerana Melayu tidak dapat dipisahkan dengan Islam.

Dahulu, masuk sekolah Inggeris, Sekolah Methodist, Sekolah Convent, bahkan di pintu masuk sekolah ada gereja, ada palang, bahkan ada sekolah-sekolah convent mengajar lagu-lagu Kristian pada

hari Ahad kepada penuntut-penuntut Melayu tetapi satu perkara kita kena akui, tidak ada orang Melayu murtad, menyingkalkan agama Islam.

Ini berlaku sepanjang sebelum merdeka. Bila Natrah cuba dimurtadkan oleh British melalui mahkamah, peranan dimainkan oleh akhbar, *Utusan* dan *Warta Negara* menimbulkan semangat orang Melayu untuk menentang British sehingga berlaku tunjuk perasaan besar, pegawai polis yang sedang bertugas membuang uniform menyertai tunjuk perasaan bersama rakyat untuk menentang British cuba memurtadkan Natrah. 18 orang gugur mati, lebih 300 orang ditangkap, yang memainkan peranan di samping alim ulama ialah akhbar, iaitu *Utusan Melayu* dan *Warta Negara*.

Sekarang akhbar tidak memainkan peranan itu lagi, tugas akhbar sekarang mendewakan penyanyi. Penyanyi tukar baju apa, kahwin dengan siapa, bercerai dengan siapa sehingga Tokoh Seni diberi kepada seorang penyanyi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun ya!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, cuma saya hendak perbetul sedikit Ahli Yang Berhormat kita ini. Tidak adillah kalau kita mencemuh akhbar kerana di dalam akhbar itu ia ada ruangan. Ruangan hiburan itu satu ruangan, jadi, dia ceritalah fasal hiburan, skirt apa semua! Tetapi hak yang kes khalwat itu pun ada juga dia cerita. Jadi, kita tidak adillah kalau kita katakan keseluruhannya akhbar ini hanya meruangkan kes-kes yang tidak berapa elok ini. Ahli Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan pandangan saya?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Setuju! Setuju sedikit sahaja. Peranan utama sekarang ialah ditonjolkan ekonomi, penyanyi, hiburan, soal murtad, keluar akidah tidak ditonjol bahkan akhbar tak

mahu siar pun ada berita-berita yang dihantar, masalah berlaku kepada orang Islam sekarang. Kita katakan akhbar *Utusan* dan *Warta Negara* memainkan peranan di samping pemimpin-pemimpin Melayu pada waktu itu Doktor Burhanuddin, Tunku Abdul Rahman dan lain-lain sehingga berlaku ledakan kebangkitan. Sejak daripada itu, orang tidak berani usik dalam masalah hendak mengajak orang Islam menjadi murtad.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun ya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Hai! (*Ketawa*)

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian. (*Ketawa*)

Tadi, Ahli Yang Berhormat mempersoalkan peranan akhbar di dalam negara ini. Saya ingin minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat tentang akhbar yang menjadi pendokong kepada parti Ahli Yang Berhormat iaitu *Harakah*. Pada hari Jumaat, 10hb Oktober, 1996 di muka surat 11. Akhbar ini telah menerbitkan satu kenyataan, '*Hadiah Sempena Celebrity Tahun Ke-15 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri*'. Dan telah menyebut bahawa Yang Berhormat Perdana Menteri sebagai 'sang Perdana Menteri'. "Sang" itu dari segi bahasa Melayu ialah "makhluk yang bukan manusia".

Kemudian syair-syairnya di bawahnya mengutuk Perdana Menteri habis-habisan! Sebagai contohnya, saya menyebut satu rangkap:

*Cuba renung kembali masamu
dibuang parti
Dipentas PASlah mu bina populariti
Perlembagaan Tunku pinda mu
ibaratkan kertas tahi
Mengapa dolak-dalek PAS nak diri
hukum Ilahi.*

Itu sebagai contoh! Apakah ini kebebasan akhbar Ahli Yang Berhormat maksudkan? Menggunakan kebebasan akhbar di dalam negara ini menghentam pemimpin negara seolah-olah tidak ada nilai Islam, nilai budaya langsung. Kita boleh mengkritik kepimpinan kerajaan, tetapi tidak secara peribadi yang melulu seperti ini. Apakah ini kebebasan akhbar Ahli Yang Berhormat maksudkan?

Ini contoh sebuah akhbar yang didukung oleh parti Ahli Yang Berhormat sendiri, walaupun diberi kebenaran ...

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Panjang sangat itu! Tunggu bersyarah nanti ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: diberi kebenaran untuk mengedar kepada ahli tetapi dijual secara terbuka, ini satu contoh yang jelas Ahli Yang Berhormat. Contoh yang jelas, apakah ini kebebasan akhbar Yang Berhormat maksudkan?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya maksudkan kebebasan akhbar tadi, "highlight"kan isu-isu penting, masalah umat Islam sekarang. Memanglah, dah pergi di sebelah sana, janganlah puji cepat sangat, come on! (*Ketawa*) Dahulu bahasa-bahasa kamu maki Perdana Menteri—masya Allah? Maki Menteri Belia dan Sukan ini—Hooo! Mereka kata Menteri Belia dan Sukan kena AIDS. (*Ketawa*) Jadi, sekarang ini janganlah, sedikit-sedikit puji bolehlah, jangan tunjuk cepat sangat! (*Ketawa*) Kohok-kohoklah, nanti tak adalah di sini, macam wakil rakyat Pasir Mas dahulu, kena pi dok belah sana pula! (*Ketawa*)

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat, saya akui, saya pernah mengkritik kepimpinan kerajaan, saya

akui. Itu saya terima hakikat itu. Tetapi yang persoalkan tadi, secara terbuka kepada 20 juta rakyat dalam negara ini, adakah munasabah? Sebuah akhbar yang dipimpin oleh parti Ahli Yang Berhormat menggunakan bahasa yang sedemikian kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Di dalam akhbar secara bertulis, adakah munasabah ucapan-ucapan sedemikian? Insya-Allah, saya akan bangkitkan semasa membahaskan Belanjawan 1997 nanti.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ha, bangkit, bangkit semasa berucap nanti! Sekarang beri saya dahulu! Tetapi puji sedikit-sedikitlah!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sekarang sila jawab penjelasan saya. Adakah Ahli Yang Berhormat sokong perkara-perkara yang seperti ini?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Cukuplah Yang Berhormat! Kita pun dikritik. Dikritik Tok Guru dengan pelbagai bahasa dan kami dengar. Jadi, kita kritik Perdana Menteri sedikit takkan tak boleh kot, baru sebulan pergi! (*Ketawa*) "Come on"lah! Yang lain tak marah pun. Menteri tak marah pun. Jadi, jangan kita melonjak sangat pergi sana itu, nanti orang nampak! Biar kita perlahan-lahan gitu! (*Ketawa*)

Menangkan ketua bahagian di Machang dahulu, kemudian baru bertanding MKT. MKT bukan senang, menteri pun kalah. (*Ketawa*) Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan—kalah!

Jadi, kritik mengkritik adalah perkara biasa, tetapi saya kata peranan akhbar sebelum merdeka dahulu dan orang-orang Melayu, kita kena belajar bagaimana orang-orang dahulu dapat mempertahankan akidah orang Islam tidak ada yang murtad. Dan sekarang selepas merdeka baru orang Melayu mulai murtad, meninggalkan agama Islam. Saya dahulu terkejut, kita ingat yang murtad ini yang baru memeluk agama Islam. Original orang

Melayu misalnya Jamaluddin Othman dari Muar, Johor sudah menjadi Joshua, sudah bertaraf Paderi. Helmi Haji Mohamad Nor yang duduk di Petaling Jaya sudah menjadi taraf Paderi.

Jadi, Pas, Umno, ada parti atau tidak ada parti kena fikir, di samping kita menyalahkan orang lain, kita kena fikir bagaimana negara kira sekarang yang mempunyai 10 juta lebih umat Islam di Malaysia tidak dapat mempertahankan akidah orang Islam. Bukan saya hendak tuju kepada Umno, hendak tuju kepada parti-parti, tetapi kita sebagai orang Islam kena fikir sekarang. Kenapa selama 400 tahun negara kita dijajah, tidak ada orang Melayu murtad, kenapa selepas 40 tahun merdeka orang Melayu mulai murtad, meninggalkan agama Islam?

Peranan Perkim, Bina Insan hendaklah diberi kehebatan, diberi bantuan yang banyak supaya mereka memainkan peranan, kalau tidak kita

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak minta sedikit penjelasan mengenai "murtad" ini. Saya selalu terfikir mengenai masalah status orang yang murtad ini, kerana mengikut perlembagaan kita, seseorang yang berbangsa Melayu itu mesti beragama Islam. Apabila sudah murtad dia ini bukan Islam lagi, jadi apakah status ataupun bangsa orang yang murtad ini kita hendak panggil, bolehkah dia ini dipanggil Melayu lagi?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Mengikut Perlembagaan Persekutuan—memang tidak boleh, kerana Melayu seperti saya sebut tadi mestilah beragama Islam. Tetapi hakikatnya kita kena terima sekarang, masalah orang Islam mulai murtad, keluar dalam iklan-iklan di surat khabar *The Star*, mereka pergi ke Pejabat Pendaftaran minta tukar agama, sedangkan

sekarang ini kita mempunyai ribu lulusan Mesir, kita ada Jabatan Agama Islam di setiap negeri? Kita ada lagi jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri, kita ada IKIM.

Zaman British dahulu tidak ada apa, tetapi kenapa akidah umat Islam boleh dipertahankan? Sekarang ini terdapat begitu banyak badan, lulusan Universiti Al-Azhar—ribu, dengan lulusan UIA, Fakulti Islam, UKM, UM lagi, Forum Perdana pun ada, siaran agama ada, balik dari Jordan, balik dari tempat lain, tetapi umat Islam mulai murtad sekarang, di mana salahnya? Diharap pihak Jabatan Perdana Menteri membuat kajian yang serius mengenai perkara ini, kerana perkara ini adalah serius, sebab dalam Islam 'murtad' adalah satu perkara yang besar; zina, murtad, arak, ini diletakkan dalam perkara yang besar.

Akhbar hendaklah memainkan peranan kembali, tidak apalah akhbar *Utusan Malaysia*, *Berita Harian* tidak siar ucapan saya hari ini tidak apa—saya tidak marah, tetapi peranan untuk menyedarkan orang Islam ini perlu dimainkan kembali kerana sekarang kita sudah hilang trek. Orang Melayu sudah hilang trek, terlalu mengejar pembangunan, kekayaan—lupa. Pembangunan kita tidak dapat sebanyak mana, kekayaan orang lain yang dapat, tetapi yang diperolehi oleh kita ialah masalah sosial dan masalah murtad.

Saya harap Jabatan Perdana Menteri dapat membuat kajian yang serius, tidak usah kira Umno, Pas dalam masalah ini, fikir serius masalah 'murtad' yang berlaku kepada orang Islam sekarang ini. Korporat-korporat hendaklah memainkan peranan juga.

Kita lihat dalam filem *Dayang Senandung*—itu peranan korporat zaman dahulu. Dia pergi berniaga ke sebuah negeri, dia dengar orang mengaji Quran, kemudian diambilnya orang yang mengaji Quran itu menjadi isterinya, walaupun hitam-legam, kerana apa? Kerana dia

hendak mencari orang yang beriman. Itu yang digambarkan dalam filem, walaupun ia satu "metos", tetapi itulah lambang ahli perniagaan dahulu, yang menyebabkan Islam tersebar di seluruh pelosok dunia. Ahli perniagaan sekarang lain.

Kita pergi ke Afrika Selatan, ditanya oleh umat Islam di sana, "Kenapa ahli perniagaan kamu datang memilih ratu bogel, yang ada gambar bogel dalam majalah "Playboy" diambil untuk dijadikan isteri?" Saya kata "Itu jodoh dia, hendak buat macam mana". Tetapi orang Afrika Selatan itulah gambaran mereka terhadap ahli perniagaan Malaysia bila ratu bogel yang terpampang dalam majalah "Playboy" diambil dijadikan isteri, sedangkan dalam filem dahulu kita lihat, Ahmad Mahmud—nama pelakon itulah, dia mencari Dayang Senandung—Sarimah, dia hitam, tetapi selepas bersalin dia menjadi putih. Yang saya hendak gambarkan di sini ialah korporat dahulu dia mencari orang agama dan dia menyebarkan agama, bukan semata-mata mencari keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kerajaan hendak ubah pula kilang-kilang kita daripada berasaskan tenaga buruh kepada teknologi tinggi, multimedia corridor. Dalam Parlimen ini kita boleh faham, orang berniaga boleh faham, tetapi pekerja kilang tidak faham. Apa dia multimedia? Apa dia kilang berasaskan teknologi tinggi? Kita bimbang nasib pekerja kilang kita akan berulang seperti kehadiran buruh asing.

Kehadiran buruh asing untuk membantu kekurangan pekerja akhirnya mengambil alih kerja mereka dan menyebabkan upah mereka susah hendak naik, kerana kilang mempunyai pilihan untuk mengambil buruh asing.

Kita bimbang bila kilang pergi kepada teknologi tinggi, pekerja yang adasekarang tidak dilatih, maka bila pergi ke teknologi tinggi nanti, kilang-kilang itu ada alasan untuk membuang pekerja-pekerja yang

ada. Bila dibuang pekerja yang ada esok, kerajaan setuju, kerana mereka ini tidak dilatih, sedangkan daripada sekarang sepatutnya kilang-kilang itu ditekankan untuk melatih pekerja-pekerja yang ada, kalau tidak, nasib pekerja kita akan berlaku buruk kepada mereka bila dia pergi ke teknologi tinggi, pekerja yang ada tidak dilatih. Seperti di Jepun mereka melatih pekerja mereka, Jepun ini pun jahat juga, dalam negerinya cukup baik dasar industrinya, datang ke negeri kita dia lain sedikit, sebab barangkali kerajaan tidak menekankan soal latihan pekerja-pekerja kepada majikan, menyebabkan mereka ambil sambil lewa. Bila pergi ke teknologi tinggi nanti tanpa melatih pekerja-pekerja yang ada, maka akan berlakulah pembuangan pekerja pada masa yang akan datang, di atas alasan majikan menyahut seruan kerajaan, ubah daripada teknologi berasaskan buruh kepada kilang berasaskan teknologi tinggi. Diharap pihak kementerian dapat mengambil perhatian sungguh-sungguh di atas perkara ini. Oleh kerana pekerja tempatan tidak mahir, akan diimport pula pekerja luar yang mahir, sekali lagi pekerja luar akan dibayar gaji yang tinggi, pekerja tempatan mungkin dibuang. Ini akan berlaku bila kerajaan tidak awasi perubahan daripada kilang berasaskan buruh kepada kilang ataupun industri yang berasaskan teknologi.

MTUC hendaklah memainkan peranan ini lebih daripada membincangkan masalah gaji—okay, tetapi yang lain-lain mesti tumpu masalah masa depan pekerja, kalau tidak nasib buruh kita akan berlaku seperti kedatangan pekerja asing sekarang. Begitu jugalah "intensif" diberi untuk import pensyarah luar, sekarang Yang Berhormat sekalian, pensyarah kita sudah merasa bimbang, sebab pensyarah luar masuk dengan diberi pelbagai "intensif". Mereka mendapat pendapatan yang lebih.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Insentif!

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Intensif.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Insentif.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ha! minta maaf. (*Ketawa*) Ingat ceramah di Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Menyampuk*)

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, jadi berbagai-bagai kemudahan diberi, maka kita bimbang pensyarah-pensyarah tempatan akan merasakan mereka tertinggal. Pensyarah-pensyarah yang baik misalnya mungkin telah pergi ke Amerika, Eropah, Australia, New Zealand, Singapura. Kita bimbang yang diimport itu pensyarah luar kononnya baik, tetapi adalah pensyarah-pensyarah 2nd class, mungkin yang datang dari Dunia Ketiga yang baik telah pergi ke Barat, yang kurang baik nanti datang ke Malaysia. Pensyarah kita merungut perkara ini sekarang, sebab hal pendatang asing boleh berlaku, hal pensyarah juga boleh berlaku. Begitu ramai pensyarah meninggalkan tempat kerja mereka untuk mencari habuan yang lebih lumayan sekarang, sehingga saya diberitakan Fakulti Pergigian di Universiti Malaya ditutup sekarang. Ini adalah satu perkara yang serius berlaku. Itu belum lagi sampai ke peringkat pensyarah asing diimport....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:.... secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Penjelasan sedikit. Saya hendak cuba betulkan kenyataan Yang Berhormat. Yang Berhormat mengatakan Fakulti Pergigian ditutup, saya rasa tidak, sebab isteri saya bekerja di sana, pagi-pagi saya masih lagi menghadapi masalah, sebab beliau terpaksa pergi kerja.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Yang pasang gigi! (*Ketawa*) Dentist, tidak ada sekarang ini. Ini problem yang berlaku. Inilah jauh dengan universiti, dok asyik dengan kilang sahaja. Asyik berniaga lupa dengan perkembangan di universiti.

Tuan Yang di-Pertua, ini belum lagi pensyarah asing datang secara berduyun-duyun dan setelah diberi berbagai habuan kepada mereka nanti, maka kita bimbang ianya akan merugikan atau melemahkan pensyarah kita untuk meneruskan khidmat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya masalah pengambilan tanah, sekarang akbhar "highlight"kan masalah jutawan baru yang lahir melalui felda-felda, baru-baru ini di Nilai, sebelum itu di kawasan di Selangor—jutawan-jutawan baru.

Kita bimbang, wang yang dapat dengan segera tanpa dibimbing bumiputera itu maka wang itu akan habis begitu cepat. Mana pergi jutawan-jutawan Langkawi yang Datuk Sanusi Junid mengatakan, bila mereka dapat duit dengan segera, mereka bilang lima pun dah tidak tahu dah. Begitu takjub dengan duit yang banyak—satu, dua, tiga, empat, enam ..dia terus 46. Dia tak sebut lima. Itulah Datuk Seri Sanusi Junid.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, bangun pula.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya nak minta penjelasan, tidak begitu faham. Sekarang, nampak Pas masih rindu ke 46? Sebab tersebut-sebut '46', ini. (*Ketawa*)

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Kami berkahwin tujuh tahun, sekali sekala teringat juga. (*Ketawa*) Asam pedas dimakan, tidur sekali manakan tidak ingat. Melainkan 46, dia tidak ingat langsung dah.. (*Ketawa*) kita ingat. Sebab kita suami yang baik, kita tidak mencerca bekas

isteri kita. Dia nak kahwin dengan orang lain, pergilah dengan selamat. "Ku rela kau pergi". (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, kaya mendadak ini kalau tidak dibimbing, kita bimbang mereka hanya jadi kaya sementara. Bimbinglah mereka sama ada dalam bidang menabung, melabur, berniaga, cepat-cepat dapatkan mereka berikan bimbingan kepada mereka. Kalau tidak reti berniaga biarlah wang mereka itu, kita nasihat menabung dan sebagainya. Kalau tidak kita bimbang kekayaan mereka itu sementara selepas itu kembali seperti orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Parit Sulong baru datang, saya puji dia banyak tadi.

Tuan Yang di-Pertua, belanja untuk Kementerian Pertahanan meningkat setiap tahun. Pas menyokong, pertahanan diperkukuhkan, alat-alat diperbaharui, tahniah khidmat helikopter Nuri ditamatkan. Helikopter Nuri bukan setakat kipas menggeletar, tayar pun menggeletar. (*Ketawa*) 27 tahun khidmat, kita ungit beberapa kali, menteri-menteri pertahanan silih berganti mengatakan ianya baik dan sekarang dihentikan, begitulah juga kapal terbang Skyhawk dan lain-lain lagi yang telah lama—stop dan buanglah.

Kita ada duit, beli yang lain dan pihak kementerian sungguh-sungguh mambaneras segala penyelewengan seperti yang didedahkan di peringkat awal oleh Bekas Ketua Turus Tentera Udara Malaysia, iaitu peralatan yang dibeli tidak mengikut garis panduan yang dikehendaki oleh kementerian. Tidak ada piawai yang tertentu yang menyebabkan ia berada dalam keadaan siap sedia untuk digunakan.

Kita lihat perbelanjaan pertahanan semakin meningkat tetapi negara luar seolah-olah tidak "respect" kita, kenapa? Pertikaian Batu Putih, Sipadan dan lain-lain lagi semuanya melalui ICJ, melalui "International Court", sebab orang tidak gerun kepada kita. Kita sepatutnya, pulau

itu sah hak kita, kita boleh pertahankan, kita boleh tempatkan tentera kita di situ tetapi negara jiran seolah-olah tidak hormat. Belanja pertahanan naik tetapi negara luar tidak gerun. Kita lihat Taiwan, walaupun Republik China begitu hebat mengepong dia. Latihan peluru berpandu bukan setakat jatuh dekat Taiwan, boleh lintas pula Taiwan. Tapi untuk melanggar Taiwan, China terpaksa berfikir beberapa kali. Keupayaan yang ada kepada Taiwan, keupayaan kapal terbang mereka, peluru berpandu, latihan tentera-tentera mereka, sehingga negara China yang begitu besar terpaksa main perang diplomat, perang diplomatik terhadap Taiwan. Tapi untuk melanyak Taiwan, sama sekali mereka kena fikir berkali-kali keupayaan yang ada pada Taiwan.

Kita harap juga dengan penambahan belanja, tentera kita, keselamatan kita, negara kita akan digeruni, akan dihormati oleh negeri-negeri sempadan khasnya negeri Selatan yang kita nampak selalu membuat provokasi-provokasi yang boleh mencurigakan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Malaysia juga jangan berputus asa dalam masalah menyelesaikan konflik Afghanistan. Jangan kita dah lihat seolah-olah tidak boleh selesai di sana. OIC hendaklah memainkan peranan, cari jalan kerana sekarang peperangan semakin dahsyat antara Kumpulan Taleban, Rashid Dostum dan juga kumpulan Hikmartiar, Singha Pansharvelli, Ahmad Shah Masood, dari Kumpulan Uzbek, dari kumpulan Uztum dan dari kumpulan satu lagi, apa tak tahu.

Yang kita lihat, Tadjikistan, Tadjik ketuanya Robani. Uzbek ketuanya Dostum. Uztum ketuanya Taleban. Dan mereka sering berperang, jangan kita berputus asa untuk menyelesaikan masalah saudara kita.

Kami daripada Pas, setakat keupayaan yang ada kepada kami cuba mempertemukan pimpinan-pimpinan

mereka menyelesaikan masalah, tetapi sebagai parti pembangkang yang kecil, yang memerintah sebuah negeri tentulah kita tidak ada upaya yang lebih dibandingkan dengan kerajaan Malaysia untuk menyelesaikan masalah. Sekarang yang memainkan peranan Pakistan, Iran, Rusia dan India, mereka ini sedikit sebanyak ada kepentingan negara mereka sendiri. Oleh itu kalau Malaysia memainkan peranan negara yang lebih jauh, barangkali golongan-golongan yang bertempur ini menganggap, kita datang dengan lebih ikhlas kerana kerajaan Malaysia tidak memihak kepada Taleban atau Dostum ataupun Ahmad Shah Masood. Peranan orang jauh ini kadangkala lebih penting, kalau orang dekat tidak dapat menyelesaikan masalah.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga hal Palestin, yang saya tidak mahu sebut kerana telahpun disebut oleh Marang yang agak panjang kelmarin. Hal Bosnia kita lihat, Amerika menolong Bosnia...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat, tentang perlunya ada perpaduan Islam. Saya mengucapkan syabas perpaduan ummah di Afghanistan dan Yang Berhormat mencadangkan supaya negara kita, Perdana Menteri kita cuba menyelesaikannya.

Saya hendak membawa kepada contoh yang lebih dekat di negara kita. Di negeri Kelantan sendiri, ada perpecahan ummah di sana. Mengapa kita tidak jemput juga Perdana Menteri kita cuba menyelesaikan pasal perpecahan ummah dan Melayu di negeri Kelantan itu sendiri?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tak pecah. Aman dan tenteram di Kelantan, yang masalah wakil rakyat, dia nak pilih kerusi mana. Rakyat tidak apa. Tenang-tenang. Pelancong masuk 1.6 juta, aman. Datanglah ke Kelantan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau aman Yang Berhormat, mengapa baru-baru ini kita

dengar semua—ramai pentadbiran negeri itu sendiri, bukan orang politik tetapi pegawai-pegawai daerah dan pentadbir negeri sendiri yang keluar dalam Dewan? Ini bukan hanya pendapat di kalangan orang politik, mungkin lebih dari itu. Adakah ini hakikat yang sebenar?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Itu boleh selesai bila kita dapat mandat rakyat sekali lagi dalam pilihan raya akan datang. Umno bertanding dalam pilihan raya, hentam-menghentam. Adakah Umno huru-hara? Biasa sahaja bukan? Tuduh-menuduh, kata-mengata. Lebih teruk Umno dengan Umno kata daripada kami kata pada Umno! (*Ketawa*) Hendak tengok surat?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya rasa yang lebih teruk apa Pas tuduh pada Umno! Kita tidak ada! Tengok di sana, Yang Berhormat Dato' Haji Annuar bin Haji Musa dan Dato' Syed Hamid ada bersama kita. (*sambil menunjuk kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan*) Tidak ada! Biasa sahaja Dato' ya? Tidak ada. Ini bukan prinsip, biasa.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Angguklah Dato'. Apa orang kata pada Dato', saya tahu! Angguk bolehlah. Kelmarin di luar ini, saya bertanya tentang Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang. Seorang MP di sini kata, "padan muka! Biak pi, tu dia kata dekat orang sangat!" Saya kata, "Eh, ini aku tak kata begitu!" "Saya tak kata begitu...", maaf.

Tuan Yang di-Pertua, jadi bukan huru-hara dalam Umno. Itu biasa hendak pilih pemimpin. Begitu juga di Kelantan, bukan huru-hara. Masalah perbezaan pendapat. Cuma pegawai kerajaan di sana pelik sedikit, dia walk-out dari Dewan. Di sini apabila Parit Sulong menghentam Peguam Negara, Ketua Pembangkang menghentam Peguam Negara dan menghentam pegawai kerajaan, pegawai kerajaan di sini tidaklah walk-out walaupun kita tahu ada pegawai kerajaan yang sokong Pas. Lebih banyak

sokong Pas daripada Umno! (*Ketawa*) (*Disampuk*) Tetapi mereka tidak walk-out.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat, kalau bercakap itu mengikut satu kenyataanlah, hakikat yang sebenar.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ya. Saya berani!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Janganlah kita menarik dan melibatkan mereka dalam perbincangan kita.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tidak, saya kata mereka berdisiplin. Walaupun mereka sokong parti mana, bila menteri hendak jawab, dia beri jawapan kerajaan kepada menteri. Soal dia parti mana, itu kita sembang di luar! Pegawai-pegawai banyak duduk di bawah usrah saya! Nanti saya sebut nama seorang-seorang, dia ambil tindakan pula!

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada tajuk. (*Ketawa*)

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tadi, Yang Berhormat kata ada pegawai-pegawai yang ada di bawah usrah Yang Berhormat. Saya nampak yang duduk di bawah usrah Yang Berhormat itulah yang celaru ni. Yang Berhormat setuju tak, cukup banyak yang celaru?

Jadi, tadi Yang Berhormat kata perpaduan ummah. Kita hendak perbetulkan di Afghanistan, tetapi adakah Yang Berhormat sendiri menolong kerajaan untuk kita menyelesaikan masalah perpecahan orang Melayu dan Islam di Malaysia ini kerana Yang

Berhormat sendiri dan rakan-rakan dari Pembangkang senantiasa memecahkan perpaduan ummah kita di sini.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, boleh tak Yang Berhormat perbetulkan di Malaysia dahulu, kemudian kita pakat-pakat pergi pula di sana! Setuju tak Yang Berhormat? Jadi, belanja pun tidak banyak!

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Kita pun belum selesaikan masalah Malaysia, kita bantu Bosnia. Perdana Menteri kita tidaklah berfikiran singkat seperti Yan! (*Ketawa*)

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak singkat Tuan Yang di-Pertua! Singkat apa? Dalam seluar pun tak betul lagi, macam mana kita hendak betulkan di luar daripada seluar?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini saya minta penjelasan, setuju atau tidak setuju, perbetulkan dalam negara kita ini dahulu?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Perbetulkan serentak.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Hendak serentak macam mana? Kalau kita tidak boleh berpakat, macam mana kita hendak pergi ke Afghanistan?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Sudahlah itu! (*Ketawa*) (*Disampuk*). Tuan Yang di-Pertua, masalah pegawai kerajaan tadi saya kata duduk di Jabatan Perdana Menteri pun ada ahli usrah kita. Tetapi mereka bekerja di sini dengan kerajaan yang memerintah. Sekarang yang memerintah Barisan Nasional. Ya, mereka bekerja. Selepas pukul 5.00 petang, ikut merekalah hendak sokong parti mana.

Semasa mereka bertugas, mereka dengan kerajaan dan kami tidak marah walaupun jawapan-jawapan yang diberi itu kami tidak puas hati kadangkala. Tetapi, mereka pegawai kerajaan yang ada. Bagus! Pegawai kerajaan yang ada sekarang cukup baik! Tolong pergi beritahu pegawai kerajaan Kelantan itu supaya perangai mereka baik sedikit! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, masalah Bosnia tadi, Amerika seolah-olah tidak mengiktiraf kemerdekaan Bosnia. Ikut suka merekalah hendak memilih kabinet —Perdana Menteri dan Menteri-menterinya. Sekarang kita lihat apa yang berlaku. Kapal yang membawa lebih kurang 100 juta peralatan tentera berada di pinggir Bosnia. Tidak akan dipunggah selagi kerajaan Bosnia tidak pecat Menteri Pertahanannya yang bernama Hassan kerana Menteri Pertahanan itu dikatakan ada hubungan dengan Iran.

Sepatutnya Amerika kena hormat kepada Bosnia yang telah merdeka dan yang telah menang pilihan raya secara demokrasi dan telah dipilih Presiden dan menteri-menterinya. Hormatlah keputusan itu! Tetapi Amerika tetap buli. Dibawa kapal yang ada lebih kurang 100 juta senjata berlabuh di laut dan tidak akan diturunkan senjata itu selagi tidak dipecat Menteri Pertahanan yang dikatakan ada hubungan dengan Iran.

Apa salah Bosnia hendak ada hubungan dengan Iran sebab semasa dia menghadapi masalah, Iran adalah di antara negara yang aktif di samping Malaysia dan Turki yang membantu Bosnia. Mereka ada hubungan dengan Iran, apa salahnya? Tetapi Amerika tekan sekarang supaya dipecat Menteri Pertahanan tersebut untuk mereka memunggah senjata yang ada pada Amerika sekarang, dijadikan ugutan untuk memecat Menteri Pertahanan Bosnia.

Tuan Yang di-Pertua, Alhamdulillah, keadaan di Kelantan sekarang tenang. Pasukan keselamatan mengawal keadaan dengan baik. Tidak ada provokasi. Ketua

Umno negeri dan Timbalannya pun berceramah mengecam kami; kami jawab mengecam mereka. Itu dalam demokrasi. Yang pentingnya tidak ada huru-hara. Berilah peluang kerajaan Kelantan terus memerintah hingga pilihan raya yang akan datang. Ini rayuan dari hati ini. Beri peluang. Bersedialah dengan kekuatan yang ada di pihak Barisan Nasional untuk mengambil alih Kelantan kalau boleh dalam pilihan raya akan datang. Kerajaan pusat yang ada kuasa jang cuba ganggu-ganggu pentadbiran dan beri peluang kerajaan itu memerintah dan kita hadapi pilihanraya dua tahun setengah atau tiga tahun yang akan datang.

Kalau Barisan boleh ambil balik, ambillah. Kalau tidak boleh ambil balik, terimalah keputusan rakyat. Tetapi yang menjadi masalah, tidak mahu terima keputusan rakyat. Timbalan Ketua Umno negeri tidak dihormati. Timbalan Ketua Umno negeri Kelantan menyuruh empat orang Exco itu berhentilah. Tidak mahu berhenti juga! Duduk dalam Dewan sebagai Exco kerajaan, hendak bercakap pun tidak boleh; hendak jawab soalan tidak ada portfolio. Duduk begitu sahaja! Akhirnya, 15 minit sekali pergi kencing. (*Ketawa*) Dia ini—Exco seperti ini nasihatilah supaya mereka berhenti dan bersedia dengan kekuatan parti masing-masing untuk kita hadapi pilihan raya yang akan datang. Biarlah Kelantan tenang.

Dahulu, PBS menang secara mutlak untuk memerintah Sabah, tetapi apabila wakil rakyatnya lari, seorang demi seorang lari ataupun dilarikan, Datuk Pairin letak jawatan. Secara gentleman letak jawatan dan Barisan Nasional ambil alih. Pas dahulu menang bersama Barisan Nasional pada tahun 1974. Kita masuk Barisan dan menang bersama. Tetapi bila kerajaan hendak mengenakan darurat di negeri Kelantan, dibentangkan akta di sini, ahli-ahli Parlimen PAS dan menteri-menterinya sekali ubah dahulu kerusi jadi pembangkang dan lawan Akta Darurat.

Selepas itu kami ditolak oleh rakyat dan dapat dua kerusi di Kelantan dan kami terus berjuang sampailah dapat semula Kelantan bersama Angkatan Perpaduan Ummah. Sekarang 46 telah menyertai Umno dan telah menyertai kerajaan. Hormatlah demokrasi! Letaklah Exco seperti yang dibuat oleh PBS, seperti yang dibuat oleh Pas, parti yang bermaruah. Umno parti besar, tetapi dalam masalah maruah, tidak ada. Ini yang menghairankan.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Parit.

4.38 ptg.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas (Parit): Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, ucapan Belanjawan tahun 1997 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Kewangan berlalu sudah. Berbagai bicara dan saranan, strategi dan perancangan diutarakan melalui kosakata menarik dan frasa indah, bertepatan dengan madah. Rata-rata Belanjawan kali ini mengajak kita meletakkan Malaysia di landasan pertumbuhan ekonomi dinamik mengahala ke arah negara maju menjelang ke abad 21.

Tuan Yang di-Pertua, pembukaan agenda pembangunan sosial yang dilaungkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merupakan langkah wajar dalam usaha kerajaan mewujudkan masyarakat yang utuh, harmonis dan makmur. Peruntukan khas sejumlah RM50 juta yang disediakan untuk merencana dan menyegarkan institusi keluarga ibarat curahan hujan hikmat di pasir yang kontang.

Komitmen kerajaan serta strategi NGO untuk meniup roh keadilan dan nafas penyayang dalam masyarakat, menceritakan lagi pengembaraan di alam kehidupan sementara ini. Terpaparlah sudah niat murni kerajaan untuk

mewarnakan bumi Malaysia ini dengan institusi keluarga yang bukan sahaja bahagia tetapi dinamik dan berwawasan, dan dibajai pula dengan semangat perjuangan murni. Cumanya, dikala ini, Tuan Yang di-Pertua, terasa semacam ada taufan kegelisahan, keresahan, kecurigaan, kekhuatiran, kegundahan, kehampaan, ketakutan lantas keaiban menghambat hati nurani setiap wanita Islam di tanah air kita ini.

Pengumuman beberapa kerajaan negeri yang menyentuh amalan berpoligami laksana arakan awan mendung yang menyelubungi langit kehidupan berkeluarga. Penyataan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam akhbar *Utusan Malaysia* bertarikh 17hb Oktober 1996 mengenai peraturan yang mengetepikan tandatangan isteri atau isteri-isteri yang sedia ada bagi laki-laki yang berhajat untuk berpoligami dijejaki pula oleh peraturan yang sama yang kini diguna pakai di Terengganu—*Utusan Malaysia* 29/10/96, Perlis—*The New Straits Times* 29/10/96 dan Johor mengejut, menyentak serta menggemparkan wanita Islam. Sampai bila ketidakpastian menghantui benak kaum hawa ini? Apakah penyeksaan ini tiada berkesudahan? Mengapa peranan wanita dalam menentukan hala tujuan kehidupan berumah tangga mereka sendiri tidak diberi pengiktirafan sewajarnya?

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjemput Dewan yang mulia ini mengimbas kembali laporan akhbar *Utusan Malaysia* 17hb Oktober 1996, Kamaruzaman Mohamad melaporkan: "Para suami di Selangor yang ingin berpoligami tidak perlu lagi mendapatkan tandatangan isteri, sebaliknya mereka boleh terus memohon kepada Pejabat Kadi untuk mendapatkan kebenarannya". Aduh, betapa enaknyanya!

Tuan Yang di-Pertua, Pengarah JAIS Nahwari Hashim pula mengakui bahawa kaedah tersebut bertujuan membantu para suami dari negeri ini menunaikan hajat

mereka berpoligami. Sungguh baik hati Tuan Nahwari! Di Perlis pula akhbar *The New Straits Times* 29/10/96 melaporkan, dengan izin, "Muslim husbands in Perlis do not require the consent of their first wives to marry again as the decision rests wholly with the State Islamic Religious Affairs Department". How convenient! dengan izin.

Keadaan yang sama juga wujud di Johor, Terengganu, Perak dan beberapa buah lagi negeri di Malaysia ini. *Berita Harian* keluaran 19hb Jun 1996 melaporkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Hamid Othman sebagai berkata, "Mengikut undang-undang keluarga Islam sekarang, seseorang yang hendak berpoligami perlulah mendapat keizinan mahkamah dan mahkamah pula akan memaklumkan kepada isteri terbabit". Laporan *Berita Harian* hari yang sama juga memetik Mufti Wilayah Persekutuan, Tan Sri Abdul Kadir Talib sebagai berkata, "Ramai lelaki hari ini berkahwin bukan kerana alasan yang berkaitan dengan anak yatim dan meramalkan umat, tetapi untuk memenuhi nafsu mereka".

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan-kenyataan inilah yang membuat para isteri gundah gulana, resah gelisah dan haru biru. Bayangkanlah! Tidak perlu isteri tandatangani borang lagi, tidak perlu si suami memujuk isteri dengan lembut dan manja dengan berkata "Sayang, I nak kahwin lagi sebab I sudah tidak syok dengan you". Tahu-tahu mahkamah syariah dengan nada tegas memerintah isteri ke mahkamah dan dalam suasana yang serba formal memaklumkan bahawa suami yang dipuja dan dibelai selama ini rupanya insan durjana yang sanggup menduakan isteri tanpa alasan yang rasional. Inilah, Tuan Yang di-Pertua, igauan ngeri yang tidak diundang oleh para isteri tetapi menjelma dengan tiba-tiba menghancurkan cita dan harapan, mengusir damai dan ketenangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh kesal di atas ketrampilan peraturan-peraturan ini yang jelas tidak menghiraukan pandangan dan penemuan isteri. Isteri, walaupun dipanggil hanya kadang-kadang sebagai formaliti sahaja. Bukankah isteri yang duduk, makan, tidur, ketawa, menangis bersama-sama suami? Bagaimana pula maklum balas isteri boleh dipinggirkan? Betul! Mahkamah mungkin boleh menyiasat status kewangan suami tetapi bagaimana dengan hati dan budi, perangai dan laku, lebih-lebih lagi prestasi fizikal dan batin? Bukankah isteri yang paling arif dalam hal ini?

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, saya merayu kembalikanlah balik peraturan borang poligami turut ditandatangani isteri. Alasan Timbalan Pengerusi Hal Ehwal Agama Negeri Selangor bahawa peraturan memerlukan tandatangan isteri mudah disalahgunakan, seperti suami memalsukan tandatangan, meloyakan benak pemikiran rasional. Mengapa tidak? Penyelesaiannya senang sahaja. Wajibkan isteri menandatangani surat ataupun borang di hadapan Suruhanjaya Sumpah atau di hadapan kadi ataupun di hadapan peguam sebagai saksi. Yalah! Itu pun kalau kita betul-betul mahukan keadilan dan menyelamatkan rumah tangga. Kalau kita hendak 'accomodate' suami durjana, memanglah! Permudahkanlah peraturan, lantaran pula yang membuat peraturan itu kaum sejenis kita, habis cerita!

Tuan Yang di-Pertua, pernikahan atau akad di antara seorang lelaki dan seorang perempuan merupakan satu ikatan kontrak usaha sama. Masing-masing dengan hak dan tanggungjawab demi kepentingan bersama. Poligami dibenarkan dalam Islam. Tidak ada seorang umat Islam pun saya kira yang mencanggahi hakikat ini. Cuma yang menjadi tandatanya ialah pelaksanaan amalan poligami ini. Mengapa tandatangan isteri yang sedia ada tidak diperlukan lagi untuk membolehkan seorang suami bernikah lain? Tidakkah perkahwinan baru ini nanti mempengaruhi secara langsung kehidupan

isteri dan anak-anak yang sedia ada? Apakah senario baru patut dihentakkan di hadapan keluarga tanpa mengambil kira tahap 'condusivity' keadaan yang baru ditempa itu.

Pernikahan sama seperti usaha sama perniagaan, Tuan Yang di-Pertua. Justeru itu, dalam sesebuah syarikat perniagaan yang dimiliki oleh dua atau tiga orang ahli, rakan niaga, misalnya, kelulusan dan tandatangan ahli lembaga pengarah adalah "wajib" untuk membolehkan pendaftar syarikat mendaftar ahli lembaga baru kerana kemasukan ahli lembaga baru itu akan mempengaruhi secara langsung perjalanan usaha sama tersebut. Begitu juga dengan sebuah perkahwinan, Tuan Yang di-Pertua. Isteri yang ada perlu dimaklumkan dan menurunkan tandatangan sebagai pengesahan restu isteri bagi membolehkan suaminya berkahwin lagi kerana poligami ini tidak dapat tidak akan mendampingi si isteri sepanjang hidupnya yang sentiasa ditamui duka dan nestapa.

Tuan Yang di-Pertua, pertambahan bilangan isteri dalam sesebuah keluarga membawa implikasi yang pelbagai.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Mohon penjelasan. Perkara ini tidak kena-mengena dengan diri saya tetapi sebahagian, satu dua daripada kawan-kawan kita di luar Dewan, di dalam Dewan ini tidak ada. Penjelasan yang saya minta adalah seperti berikut. Adakah masalah yang timbul di Selangor itu memberikan implikasi yang dalam jangka panjang tidak baik di negeri-negeri lain dan yang keduanya penyelarasan perlu dibuat agar kalau satu negeri itu tidak perlu tandatangan, semua negeri tidak perlu tandatangan tetapi kalau Yang Berhormat

menyaran semua negeri perlu tandatangan atau restu isteri pertama, semua negeri patut buat demikian?.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, yang sebaik-baiknya, yang seelok-eloknya biarlah semua negeri memerlukan isteri pertama menurunkan tandatangan. Saya.....

Dato' Othman bin Abdul: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Saya belum habis lagi, sekejap lagi. Tuan Yang di-Pertua, yang sedihnya kadang-kadang kalau ada contoh seperti ini yang memudahkan lelaki berpoligami, negeri-negeri lain dengan cepat mahu mengikut contoh itu. Bukan dia hendak tengok contoh yang menyebelahi kepada keadilan, kepada pihak isteri tetapi contoh yang memudahkan lelaki kahwin, yang itu yang diikuti; sebab saya kira penggubal dasar di peringkat negeri-negeri terdiri daripada kaum lelaki.

Dato' Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, ini persoalan ...

Dato' Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, ini persoalan hukum. Persoalan hukum ini ialah hukum Tuhan tidak boleh diubah. Saya cuma hendak bertanya Yang Berhormat, jika sekiranya kita mewajibkan isteri menandatangani borang pengesahan. Kalau isteri itu tidak bersetuju, engkar, bermakna dia engkar dengan apa yang disebutkan dalam soalnya tadi. Bermakna, dia berdosa dari segi itu. Jadi, apa pandangan kaum wanita dalam soal ini? Sebab itulah saya rasakan pandangan alim-ulama, cerdik pandai Islam dalam menggubal Undang-undang Keluarga Islam mengambil kira persoalan itu, kerana kita tidak mahu membebaskan golongan wanita dengan memaksa mereka menandatangani, kerana kalau mereka tidak menandatangani bermakna mereka

menentang poligami, juga menentang Al-Quran. Ini persoalannya. Yang Berhormat harus sedar, dan dalam perjuangan poligami ini soalnya ialah menyedari tentang hukum (*membaca ayat Al-Quran*), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Aionon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, tadi lagi saya sudah kata, kita tidak menentang poligami, cuma pelaksanaannya saja, Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak ikut hukum, sekarang ini tiap-tiap teruna, tiap-tiap dara bila dia hendak kahwin dia kena mendapat sijil kursus perkahwinan. Tak ada sijil tak boleh kahwin. Ini hukum yang dibuat untuk membantu kesejahteraan umat Islam. Bukannya ada ditulis di mana-mana kata mesti ada. Tetapi dibuat untuk kebaikan. Jadi, bila balik kepada soal poligami tadi memang tidak ada, tidak disyaratkan bahawa isteri itu mesti menandatangani borang berpoligami. Tetapi demi keadilan, demi kebaikan bersama diharapkan ada dikembalikan peraturan itu. Saya juga menghayati bahawa Yang Berhormat dari Pendang tadi sangat simpati pada wanita. (*Ketawa*) Supaya tidak hendak menyusahkan wanita, tetapi begini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya wanita-wanita ini semuanya baik-baik hati. Cakap saja kadang-kadang kasar, hati baik. Kalau suami itu datang minta dengan baik, tunjukkan 10 alasan kenapa dia hendak kahwin lagi, kita beri, kahwinlah. Kita pun boleh pinangkan, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Tetapi yang kita tidak hendak, Tuan Yang di-Pertua, kita tak tahu malam ini tidur dengan kita, esok dia sudah kahwin lagi, tak cerita pun. (*Ketawa*)

Tuan Yunus bin Rahmat: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan bab poligami walaupun tidak teringin hendak berpoligami. Cuma saya mohon penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Soal

hukum yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pendang, tetapi persoalannya saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sekiranya dilanggarkan kelonggaran ini, maknanya diolah semula peraturan, maknanya isteri kena menandatangani. Adakah pada pandangan Yang Berhormat semua isteri akan menandatangani walaupun kehendak suami itu sudah terang-terang hendak? Jadi, pada saya, perkara ini sebenarnya menentukan bahawa pandangan isteri memang tak suka suaminya berkahwin, tak suka ianya berkongsi dengan isteri yang lain, maka hak kepada suami itu adalah hak dia. Walau apa pun peraturan, pada saya, kalau sudah poligami itu memang dibenci oleh kaum wanita, buatlah apa peraturan pun saya ingat tidak akan menjadi. Jadi, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah sebenarnya sekiranya kerajaan melonggarkan peraturan ini, semua isteri akan bersedia untuk menandatangani dan tidak menimbulkan permasalahan antara suami dan isteri yang ada? Terima kasih.

Puan Aionon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, satu pembetulan, kaum isteri tidak benci pada poligami, tetapi benci kepada sebab-sebab berpoligami, sebagaimana yang dikatakan oleh Mufti Wilayah Persekutuan itu, lelaki berpoligami kerana hawa nafsu. Saya tak pandai hukum-hakam, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau diberi alasan hendak menolong anak yatim, hendak menolong janda-janda, hendak menolong orang yang susah, hendak kahwin dengan orang yang lebih tua, saya rasa tak ada isteri pun yang tidak akan bersetuju. Saya kira begitu, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya rasa ini patut difahami. Dahulu saya sudah cadangkan kepada Pusat Islam, kalau kita hendak beri suami-suami berpoligami, sediakan senarai janda-janda, anak-anak yatim yang perlukan perlindungan. Biarlah siapa-siapa yang teringin hendak berpoligami pergilah ke Pusat Islam ambil. Sampai hari ini tak ada senarai itu, tak keluar-keluar, saya tak tahu kenapa.

Tuan Yang di-Pertua, pertambahan bilangan isteri dalam sesebuah keluarga membawa implikasi yang pelbagai. Di samping seorang perempuan, ahli-ahli keluarga yang mungkin diserapkan ialah anak-anak dari isteri baru yang sedia ada atau yang mungkin akan datang, mertua, ipar-duai dan keluarga luaran atau extended family yang lain. Selain dari itu, tanggungjawab suami berganda dari segi kewangan, kos penyelenggaraan keluarga, masa berkualiti bersama keluarga, pembayaran balik pinjaman rumah, kereta, perabot, duit tuisyen, perancangan masa depan untuk anak-anak dan sebagainya lagi. Masa berkualiti adalah sangat penting bagi seorang suami dan ayah untuk bersama-sama keluarga demi keharmonian keluarga. Ini terutama sekali bagi kanak-kanak, masa yang ayah dapat luangkan untuk anaknya akan berbeza sekiranya ayah berkeluarga dua. Kanak-kanak kini mungkin secara purata mendapat lebih kurang 30 jam seminggu bersama ayah. Kalau beristeri dua, 15 jam sahaja. Kalau beristeri 4, hanya 7 jam sahaja seminggu. (*Ketawa*) ini bermakna tiap-tiap hari purata 1 jam sahaja. Apa yang boleh kita buat dalam 1 jam, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Lantaran itu,....

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Sebentar sahaja. Saya agak confuse bila dengar ucapan Yang Berhormat dari Parit. Tadi beliau kata, kalau hendak kahwin dengan janda yang banyak anak, yang lebih tua dia kata boleh. Kemudian dia kata bila kahwin dua, pembahagian masa sudah tidak ada. Jadi, yang mana satu betul, boleh kahwin dua ataupun masa yang berkualiti yang disebutkan tadi? Jadi, agak ada contradict ucapan tadi, di mana dia membenarkan tadi, kahwin dua dengan orang yang lebih tua ataupun dengan janda. Sekarang ini dia timbul pula, kalau kahwin dua timbul

masalah pembahagian masa tidak ada. Jadi, saya hendak mendapat penjelasan yang mana satu betul?

Puan Ainon Khariyah binti Dato'

Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya kata tadi, saya tidak berganjak daripada pendapat saya. Hendak kahwin dua dengan cukup-cukup syaratnya mengikut hukum syarak yang betul, tak mengapa, tetapi sebab-sebabnya itu mestilah seperti yang diutarakan di dalam Al-Quran. Cuma saya hendak menyedarkan orang-orang yang teringin hendak berkahwin dua atau tiga tentang apakah senario yang akan dihadapinya. Dan kalau dia rasa dia boleh hadapi senario itu, dipersilakan, jangan suami saya sudah! (*Ketawa*)

Lantaran itu, Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab mengasuh anak kesemuanya di riba ibu. Anehnya kita pula menyoal kenapa kanak-kanak kita mendekati gejala dadah, kes cicir sekolah, berwatak rebellious dan sebagainya. Sesungguhnya, pengaruh seorang ayah tidak harus diperkecilkan. Role model perlu ada di setiap tempoh pertumbuhan kanak-kanak dan remaja.

Tuan Yang di-Pertua, pola-pola perlakuan anak di masa kanak-kanak berkait rapat dengan persekitaran keluarga. Kesemua pakar psikologi seperti Jean Piaget, Sigmund Freud, Eric Ericson, Abraham Marslow bersependapat tentang pentingnya suasana condusif rumah tangga, ibu bapa dan adik beradik yang membekalkan stimuli bagi membentuk pertumbuhan yang sihat bagi anak-anak. Suasana condusif bererti kehadiran ibu bapa di samping pengaruh-pengaruh pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun poligami dibenarkan di sisi agama, langkah-langkah kerajaan negeri untuk meminggirkan perasaan wanita dan kepentingan mereka demi memudahkan lelaki mengambil isteri lebih tanpa satu mekanisme dan proses penapisan yang

wajar seperti berkehendakkan tandatangan isteri amatlah dikesali. Berkahwin itu bukannya perkara yang boleh diambil ringan, boleh dipermudahkan begitu sahaja.

Jika kerajaan negeri tidak mengemukakan satu ketetapan yang adil dan konsisten masyarakat akan mula meragui mekanisme yang sedia ada. Justeru itu saya menyeru agar semua Jabatan Agama Islam negeri-negeri menyelaraskan undang-undang kekeluargaan Islam, khususnya menyelaraskan peraturan poligami yang berasaskan kepada keadilan kepada semua pihak. Keperluan mendapatkan tandatangan isteri, keizinan dan kerestuannya adalah imperatif, kerana terdapat ratusan sifat lelaki yang tidak mudah dikesan walaupun berbulan-bulan disoal oleh mahkamah syariah. Bukankah isteri sahaja yang paling mengetahui mengenai watak dan sifat serta keupayaan fizikal suami? Kadang-kadang doktor pakar pun tidak tahu dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, sudah jatuh ditimpa tangga, sudah ditimpa tangga terjerumus pula pada tahi ayam—beginilah keadaan isteri yang dihipit oleh ketidakprihatinan manusia. Pengarah JAIS tanpa segan dan silu, tanpa timbang dan sukat, tanpa simpati dan berhati, mengumumkan dengan angkuhnya, saya petik "*JAIS telah menganjurkan beberapa majlis taklimat dan penerangan kepada isteri untuk memberikan gambaran sebenar mengenai hak berpoligami. Saya juga meminta pejabat-pejabat kadi daerah mengadakan majlis penerangan seperti itu di kawasan masing-masing*". *Utusan Malaysia*—17.10.1996. Kenapa beria-ia sangat hendak kaunsel isteri tentang poligami? Bukankah isteri hanya penerima dalam keadaan malang ini? Kalaulah saya isteri dari Selangor, akan saya pulaukan majlis-majlis ini. Sebaliknya kita minta kadi-kadi atur majlis untuk kaunsel para suami tentang betapa sucinya alasan-alasan poligami seperti dalam Surah An-Nisa'—tentang siapa-siapa yang perlu

dikahwini untuk menepati ajaran Islam dalam isu poligami dan tentang betapa beratnya tanggungjawab suami yang berpoligami. Ini terbalik kot pula, isteri yang di 'brainwashed' untuk membantu suami berpoligami—perverted logic at its highest, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, inilah dasar durjana, simpati hilang entah ke mana, masih terngiang-ngiang lagi di telinga saya tentang penganiayaan kaum wanita oleh kumpulan al-Arqam, kini gejala seperti ini menjelma lagi, lantaran berselindung di dalam institusi teguh dan berpengaruh, bertopengkan maklumat, tetapi sebenarnya pengkhianat!

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai permohonan untuk berpoligami, ingin saya mengemukakan cadangan-cadangan untuk memperketatkan dan menjamin seseorang yang ingin berpoligami betul-betul mampu untuk berbuat demikian. Selain daripada mendapatkan tandatangan isteri dan berdialog dengan Hakim Mahkamah Syariah, pemohon hendaklah memberi maklumat lengkap mengenai unjuran pendapatannya serta perancangannya bagi pembahagian harta di antara keluarga masing-masing, perancangan beliau untuk masa depan anak-anak beliau dan sebagainya. Semuanya mestilah dalam bentuk komprehensif dan berbutir. Setelah itu, pemohon dikehendaki menjalani satu ujian analisis untuk menentukan bahawa beliau betul-betul bersedia dari segi mental, tidak dilupai juga kehendak untuk pemohon menjalani ujian air kencing dan ujian darah untuk memastikan mereka bukan penagih dadah atau menghidapi penyakit seperti AIDS.

Setelah pemohon dapat meyakinkan pihak berkuasa, barulah ia layak dipertimbangkan untuk ke peringkat yang kedua. Bagi peringkat yang kedua pula, saya mencadangkan supaya Jabatan Perdana Menteri mensyaratkan satu keperluan wajib bagi mereka yang ingin berpoligami. Masa kini teruna dan dara

yang ingin berkahwin perlu mengikuti kursus mengenai perkahwinan serta perlu melafazkan ayat dan doa dan sebagainya. Jadi, jika kita ikut prinsip kursus perkahwinan ini, iaitu supaya semua pihak tahu akan tanggungjawab masing-masing sebelum mereka mendirikan rumah tangga, maka saya pasti tidak akan ada bantahan jika dijadikan keperluan wajib bagi seseorang yang ingin berpoligami untuk hadir dengan isteri atau isteri-isterinya termasuk bakal isteri mengikut kursus intensif keluarga berpoligami.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mereka yang berminat akan konsep poligami melompat, menjerit menyokong ataupun membantah, biar saya nyatakan di sini, yang tujuan sebuah kursus sedemikian adalah untuk menapis mereka yang layak sahaja dan hanya setelah mendapat persetujuan isteri. Kalau tidak layak atau tidak direstui isteri—sorry, tidak boleh hadir kursus. Kursus tersebut dijalankan oleh pihak berkuasa.....

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih, saya mengucapkan tahniah di atas cadangan tadi. Tetapi saya ingin meminta pandangan, adakah Yang Berhormat setuju kalau tambah lagi satu cadangan iaitu meminta supaya wanita-wanita juga mesti 'dibrainwashed' supaya jangan berkahwin dengan suami orang. Jadi, kalau asyik lelaki sahaja yang kena, tidak ada keadilan. Kalau tidak ada perempuan yang hendak, takkan kita boleh dapat tambah satu dua. (*Tepuk*). Jadi, adakah cadangan itu akan dibuat supaya wanita juga sedar jangan hendak kahwin dengan suami orang.

Puan Aion Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, pendapat ataupun soalan itu ada benarnya, tetapi jawapannya, rasa saya, belum lagi ada jawapan yang tepat kerana setakat ini, setahu saya, belum ada satu kajian

lagi yang dibuat oleh mana-mana Jabatan Hal Ehwal Agama Islam ataupun Jabatan Perdana Menteri yang mencari bagaimanakah lelaki ini berkahwin atau mencari responden menanyakan sebab-sebab ia berkahwin, siapa yang perlu di 'brainwashed' dan siapa yang tidak perlu di 'brainwashed', sebab setahu saya, sebagai contoh yang diberi oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang tadi, kadang-kadang dia kata hendak 'brainwashed' wanita supaya jangan kahwin dengan suami orang, tetapi kalau ada penemuan, kita terima—isteri atau wanita yang hendak kahwin dengan suami orang, tetapi kalau tidak ada suatu finding yang 'conclusive', yang formal, saya boleh kata bahawa wanita yang kahwin dengan suami orang itu dia tidak tahu orang itu suami orang sebab lelaki ini dia pandai menipu, dia berlagak seperti orang bujang dan kadang-kadang diberi alasan-alasan dikatakan isteri mandul, tetapi anaknya ada banyak di rumah, kemudian dia kata isterinya sakit, pada hal isterinya segar-bugar, sihat, sedang, gemuk badannya, tetapi inilah, sebagaimana saya katakan tadi, tidak ada satu kajian yang dibuat, tidak ada penemuan yang formal. Jadi, kita tidak tahu di sini, sama ada betul atau tidak seperti yang dikata tadi, wanita yang hendak mengejar suami orang.

Pada pendapat saya, tidak. Sebab wanita yang hendak kahwin itu kebanyakannya, bukan semua, adalah ditipu helah oleh orang lelaki.

Tuan Yunus bin Rahmat: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya melihatkan kekanda saya hari ini nampaknya emosional sedikit, jadi, saya ingat elok kita turunkan suhu badannya supaya perbahasannya nampak lebih rasional dan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sedikit sebanyak penjelasan. Oleh kerana dicadangkan tadi dengan syarat-

syarat untuk membolehkan lelaki yang telah beristeri untuk berpoligami, sekiranya memenuhi syarat-syarat itu barulah boleh dipersetujui oleh isteri-isteri dan sebagainya, nampak gayanya, dalam keadaan ini, bukanlah kuasa untuk berkahwin itu terletak kepada suami, nampaknya kuasa itu lebih kepada isteri. Jadi, di manakah letaknya kepatuhan isteri itu kepada suami dari segi hukum-hakam dan juga dari segi agama, sekiranya suami terpaksa merayu kepada isteri untuk berkahwin lain, sedangkan suami adalah merupakan kepala keluarga? Jadi, saya nampak di sini ada percanggahan sedikit bahawa seolah-olah isteri itu hendak menguasai pemikiran dan kuasa suami.

Sering kita dengar bahawa permasalahan berpoligami ini memang kebanyakan—99.9% ditentang oleh isteri, walaupun dari segi hukum dan hakamnya suami berhak, berdasarkan dari segi kemampuan dan sebagainya dan kadang-kadang kita terpaksa terima, kadang-kadang lelaki ini bukan hendak kahwin sangat, tetapi oleh kerana perangai isteri yang orang kata “lebih sudu daripada kuah”, jadinya menyebabkan suami-suami ini nampaknya berada dalam keadaan yang tertekan, serba salah dan sebagainya, rumah tangga porak-peranda, campur tangan mertua, ipar-lamai dan sebagainya—itulah merupakan satu faktor yang boleh memanggil kenapakah suami itu berkahwin lain?

Kadang-kadang makan minumnya pun tidak dipedulikan oleh kerana kerjayanya dalam bidang business dan sebagainya. Ini juga kita harus fikirkan—yang tidak boleh dicari dan dicungkil oleh pihak-pihak yang berwajib untuk menentukan bahawa kenapa dia itu harus berkahwin lain—lebih daripada satu.

Dan satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melihat, ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat, bagaimanakah agaknya cadangan Yang Berhormat untuk menyelesaikan masalah populasi wanita sekarang ini yang pada

laporannya dalam minggu sudah kalau tidak silap saya, di Selangor 1:14. Satu lelaki, 14 wanita, macam mana mungkin kita boleh mengatasi masalah penyelewengan, sosial dan sebagainya?

Jadi, saya minta pandangan Yang Berhormat bagaimana caranya kalau tidak suami cuba meminang, melamar anak-anak dara ini, orang yang tidak kahwin ini, itu merupakan satu ibadah? Kita jangan lupa ibadah ini, kalau kita kahwin lain membantu orang yang miskin, orang yang kaya dan sebagainya, orang yang tidak pernah kahwin, itu merupakan ibadah, jangan kita tentang peraturan undang-undang Islam yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Yunus bin Rahmat: Bukan marah, cuma frust sedikitlah.

Puan Aion Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, siang-siang lagi saya sudah kata, saya tidak tentang hukum Islam, saya harap fahamlah tentang itu. Yang saya sebutkan tadi tentang senario yang ada sekarang dan saya tidak emosional Tuan Yang di-Pertua, masakan orang emosional mampu ketawa, masakan orang emosional masih senyum seperti saya. Saya tidak emosional tetapi.. (*Tepuk*) yang saya sebut di sini tadi hanya peraturan-peraturan yang saya sarankan Tuan Yang di-Pertua. Bukannya itu bermakna bahawa lelaki itu sekarang di bawah perintah isteri, tidak! Kalaulah Yang Berhormat tadi, Tuan Yang di-Pertua, dengar baik-baik cadangan saya tadi, semua itu ialah satu cadangan, satu langkah yang umum, yang tidak meletakkan hak ataupun kuasa pada mana-mana pihak. Itu semua untuk kebaikan, untuk keadilan.

Dan satu soalan yang ditanya tadi, Tuan Yang di-Pertua, tentang banyak wanita yang tidak kahwin, adalah pula orang yang bermurah hati hendak ajak orang ini kahwin dan sebagainya. Saya

ingin hendak jelaskan, Tuan Yang di-Pertua, sebagai wanita bukan wanita ini berlari-lari hendak kahwin sangat, ada yang tidak hendak kahwin, itu dia tak hendak kahwin, dengan izin, 'by choice'. Orang-orang yang ada kerjaya, mungkin dia rasa senang dia tidak payah kahwin, itu hak dia. Dia tak hendak kahwin, janganlah kita mengada-ada sangat melihat ramai orang tidak kahwin, kita hendak kahwin lebih.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada cadangan saya tadi. Saya sebut tentang kursus tadi, Tuan Yang di-Pertua, kursus tersebut dijalankan oleh pihak berkuasa berlandaskan prinsip-prinsip adil yang Islam cintai di mana peserta-peserta akan dapat belajar kaedah yang Islam sanjungi seperti bagaimana bersikap adil dan saksama di antara isteri-isteri oleh si suami.....

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tanjong Karang bangun.

Puan Aionon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Sekejap, saya habiskan kursus saya dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Aionon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: ... bagaimana mengamalkan kaedah time management, quality time dan time sharing di antara isteri-isteri dan keluarga. Peserta pula dapat belajar untuk peka kepada rasa hati masing-masing. Sesungguhnya, Islam itu adalah agama yang adil dan saksama kerana keadilan dan perhindaran kezaliman ditekankan dalam beberapa ayat Al-Quran. Nama Agama Islam itu sendiri ialah salam ataupun peace, bukannya harb ataupun war ataupun violence. Kesan psikologi terhadap keluarga termasuk kanak-kanak mahupun isteri-isteri tidak boleh diketepikan. Ada orang hendak bercakap ya?

Tuan Yang di-Pertua: Mana yang bangun dulu? Tanjong Karang dulu, dia bangun dulu tadi.

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak rujuk kepada persoalan yang ditimbulkan tadi yang dikata tidak ada finding oleh Jabatan Perdana Menteri atau mana-mana Jabatan Agama Islam? Tetapi saya pernah baca berita dalam surat khabar yang mengatakan lebih 600 pasangan kahwin di luar negeri khususnya di kawasan negeri Thailand. Jadi, bagaimana pandangan Yang Berhormat untuk mengatasi masalah ini tidak akan berulang ataupun tidak lagi menambah bilangan orang kahwin di luar negeri ini?

Puan Aionon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, saya kata tidak ada finding tadi, tidak ada finding tentang sebab-sebab mengapa suami ini kahwin. Tentang sebab-sebab ataupun adakah benar bahawa wanita mengejar suami orang. Itu yang saya kata tidak ada finding tadi.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Santubong.

Puan Rohani binti Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari kawan saya, kasihanlah kawan saya itu. Jadi, bagaimana pandangan Ahli Yang Berhormat dari Larut... Parit.

Tuan Yang di-Pertua: Parit.

Puan Rohani binti Abdul Karim: Sorry (*Ketawa*) Parit, Larut pula, mengenai tohmahan bahawa isteri sahaja yang dipersalahkan setiap kali tetapi kenapa tidak di sebaliknya sebab kita pun daripada wanita, kita mengetahui, kadang-kadang banyak sangat memberi muka pun macam-macam pula dituduhnya. Jadi, ini adalah satu dakwaan yang sebelah pihak, jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat mengenai isteri sahaja yang dipersalahkan?

Kedua, tadi saya dengar dari kawan saya juga bahawa satu sebab berpoligami adalah kerana population, dengan izin, kita kaum wanita ini lebih atau terlalu ramai dari lelaki tetapi saya hendak mendapat tahu atau pandangan Yang Berhormat, kenapa setakat ini pihak-pihak yang hendak berpoligami ini pilih anak-anak dara yang glamour-glamour, yang artis-artis. Tetapi kenapa tidak pilih janda-janda yang tidak begitu cantik, yang kurang glamour. Jadi apa sebenarnya tujuan mereka itu hendak berpoligami? Terima kasih.

(Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan mesyuarat*)

Puan Aionon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, soalan akhir tadi saya ingin jawab dulu sebab saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, memang betul orang-orang yang hendak kahwin ini bukannya hendak kahwin mengikut sunnah Nabi, setahu saya, saya tidak pandai sangat macam Ahli Yang Berhormat dari Larut, tetapi setahu saya Rasulullah dulu mengahwini wanita yang lebih tua daripada baginda, tapi orang-orang sekarang ini bila dia hendak kahwin, dia kahwin orang muda. Jadi, bila dia hendak kahwin dengan orang muda, inilah soalan yang pertama daripada kawan saya Ahli Yang Berhormat tadi bahawa bila dia hendak kahwin, dia hendak cari alasan, hendak mewajarkan perkahwinannya itu maka diburuk-burukannya isterinya itu. Padahal hamba Allah isteri itu sudah bertahun-tahun duduk, sudah bertahun-tahun membelanya, tiba masa dia tidak suka lagi sebab sudah tua mungkin, dia baginya alasan yang berganda-ganda. Memalukan dan menjatuhkan maruah si isteri.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Tumpat bangun. (*Ketawa*).

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, nampak macam Perhimpunan Agung Umno. Bagaimana perasaan Yang Berhormat andainya suami Yang Berhormat kahwin? Saya hendak tanya sebab Yang Berhormat kata Yang Berhormat tidak emosi, tidak emosional dan sebagainya? Itu persoalan yang pertama.

Saya rasa ada pimpinan Wanita Umno juga pernah pada suatu masa dia kata, bagi dialah, "lebih baik suami dia berzina daripada dia ini dimadukan". Bagaimana pandangan Yang Berhormat? Memanglah cemburu itu adalah sifat wanita yang semula jadi, memang saya lihat pada hari ini Ahli Yang Berhormat betul-betul telah menunjukkan satu watak yang agak realistik dalam kehidupan kita. Terima kasih.

Puan Aionon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang diajukan kepada saya terlalu personal tetapi saya menghormati Ahli Yang Berhormat dari Pas ini, saya jawablah.

Saya kata kalau suami saya hendak kahwin, kahwin tetapi apakah 'sebab' dia hendak kahwin itu. 'Sebab' itu penting! Jangan kata saya mandul, saya ada 3 orang anak. Jangan kata saya tidak sihat, saya segar bugar misalnya. (*Ketawa*) Kalau dia bagi alasan-alasan yang munasabah yang mungkin sehingga saya tidak dapat membela diri saya, memang kewajipan saya untuk membenarkan dia kahwin. Bahkan saya sendiri juga akan bekerjasama mencari orang yang lebih tua misalnya (*Ketawa*) ataupun janda-janda untuk berkahwin dengan dia. (*Ketawa*) (*Tepuk*).

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya amat prihatin dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Parit, cuma satu sahaja saya hendak minta petua. Apakah ubat atau penawar tak beri "bini" cemburu? (*Ketawa*) Hak itu sahaja yang saya hendak tahu. Supaya kita dapat membantu yang perlu dibantu. (*Ketawa*)

Puan Aion Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, satu petua yang saya tahu. Perasaan cemburu ini bukan satu perasaan yang datang secara mendadak! Belailah isteri itu dengan kasih sayang daripada hari pertama perkahwinan sampai beranak-pinak. Insya-Allah, isteri tidak akan cemburu! (*Ketawa*)

Beberapa Ahli: Yah! (*Tepuk*)

Puan Aion Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cerita balik tentang kursus saya tadi, tak habis lagi, kursus yang saya sarankan.

Kesan psikologi terhadap keluarga termasuk kanak-kanak mahupun isteri tidak boleh diketepikan. Jangan kita buta kepada realiti masyarakat dan dunia, tertumpu sahaja dengan nikmat dan keseronokan berpoligami secara jangka pendek. Kesan berpoligami tidak harus difikir secara teori sahaja, masyarakat Islam khususnya masyarakat Melayu di negeri ini mengamalkan prinsip "extended family" tambah isteri bererti tambah anak dan ipar duai serta usaha meningkat jalinan kekeluargaan yang pastinya menghadapi masalah berikutan dengan poligami.

Tuan Yang di-Pertua, bukankah wajar untuk kita mengadakan kursus berpoligami secara adil kepada semua pihak ini, supaya

bakal-bakal mereka yang ingin berpoligami ataupun dihadapkan dengan poligami boleh sedar akan tanggungjawab masing-masing. Dengan pengawasan syllabus yang menitikberatkan keadilan kepada semua pihak yang Islam memang memperjuangkan, kita boleh mencelikkatakan calon-calon tersebut supaya mereka dapat membuat keputusan yang bijak.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kursus patut ditujukan kepada kanak-kanak, mungkin jika diasuh mengenai pentingnya keharmonian keluarga berpoligami akan tidak timbul masalah dalam masyarakat. Anak-anak perlu diberi kaunseling sepenuhnya untuk membolehkan mereka wujud dalam alam keluarga berpoligami. Kanak-kanak Islam Malaysia memang dalam persekitaran kehidupan di dalam dan di luar keluarga mereka. Bagi mereka yang lebih gemar berinteraksi dengan masyarakat luas, persoalan akan timbul. Mengapa ada keluarga lain yang tidak berpoligami? Banyak kesan psikologi yang mungkin muncul dan jika suami dan isteri-isteri sayang kepada anak-anak mereka, sudah tentu mereka akan menerima baik cadangan diadakan kursus bagaimana membela dan membelai kanak-kanak hasil dari perhubungan poligami. Yang pentingnya, kita menyediakan mereka untuk menghadapi kelainan dan kekeliruan yang wujud bersama dengan poligami dengan menyediakan kursus berlandaskan keadilan kepada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau di Pusat Pengajian Islam di Oxford University, United Kingdom pada 16hb April, 1996. Dalam kertas kerja beliau yang bertajuk, "*Islam: The Misunderstood Religion*", pendapat beliau berbunyi, dengan izin:

"Sometimes the pronouncement of the religious authorities at the given time and at a given situation are mere opinions or "ijtihad" based no doubt

on their wide knowledge of Islam and their understanding of the problem or the situation. But again, these are the opinions of very human individuals and they too can be wrong."

Tuan Yang di-Pertua, berpandukan pendapat di atas, saya kira tidak keterlaluan kalau saya minta pihak-pihak yang berkuasa untuk meneliti semula peraturan yang berkaitan dengan poligami, termasuk latihan dan program profesionalisme bagi Hakim-hakim Mahkamah Syariah serta kadi. Saya akui bahawa hakim dan kadi sekarang merupakan pemegang ijazah yang diiktiraf oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi kita hidup dalam masyarakat majmuk dan berfikiran terbuka. Penggubal dasar termasuk hakim dan kadi perlu peka kepada nadi dan naluri masyarakat dan tidak terikat kepada teori dan teks. Bahkan sensitif kepada rasa hati wanita dan masyarakat. Hanya sebutir kesangsian saya, adakah personaliti jabatan agama Islam ini terdedah kepada subjek-subjek seperti Kajian Masyarakat 101, Kajian Perasaan dan Sensitiviti 102 dalam disiplin yang bernama kehidupan. Setahu saya, mereka hanya dibekalkan subjek-subjek keagamaan.

Kita hidup dalam masyarakat majmuk dan berfikiran terbuka, penggubal dasar termasuk hakim dan kadi perlu peka kepada semua ini dan tidaklah semestinya terikat semata-mata kepada teori dan teks. Justeru itu segerakanlah kursus-kursus dalam perkhidmatan yang berfokus kepada Kajian Masyarakat dan Manusia 101.

Tuan Yang di-Pertua, kursus ini amatlah imperative untuk membantu mereka menjalankan tugas dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai penghakiman khususnya "The Doctrine of Binding Precedent And Written Judgement." Kaedah undang-undang ini tidak diwajibkan sebagai sebahagian daripada Sistem Syariah. Saya difahamkan oleh sebuah

badan NGO yang kuat memperjuangkan isu-isu berkenaan dengan wanita, bahawa semua penghakiman dibuat secara lisan. Justeru itu tidak ada rekod yang dijadikan panduan dan rujukan dalam kes-kes yang akan datang. Perkara ini saya rasa elok diperbaiki. Wajibkan penghakiman bertulis untuk membantu penghakiman di Mahkamah Syariah agar keadilan bukan sahaja tercapai tetapi nampak dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, pada perbahasan Belanjawan 1996 saya telah merayu dan memohon agar ada wanita duduk dalam Majlis Fatwa Kebangsaan. Mohon saya bertanya sekali lagi, sudah ketemukah wanita yang dinanti? Sudah adakah keanggotaan wanita kini? Jika majalah *Times* keluaran 23hb September, 1996 memperkenalkan kepada kita wujudnya Ulama Wanita ulung di negara jiran kita Indonesia iaitu Puan Zakiah Dharajat, seorang ahli Majlis Agama negara beliau, Malaysia pula bagaimana?

Saya ingin jelaskan bahawa sebab saya memohon representasi wanita pada ucapan perbahasan belanjawan saya tahun lepas ialah kerana saya takut kontroversi yang melibatkan kepentingan wanita seperti yang muncul kini terjadi. Kekecewaan, kegeraman, kemarahan, kerunsingan yang kini membaluti hati wanita mungkin dapat dielakkan. Hubaya-hubayalah wahai pihak berkuasa! Seperti kata William Shakespeare: "Hell hath no fury like a woman scorned". (*Tepuk*) (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1976, tanah jajahan British di Amerika Utara memberontak menentang King George, Raja Britain disebabkan baginda mengenakan cukai berlebihan tanpa perundingan dengan rakyat jajahan Amerika. Akhirnya rakyat jajahan yang dahulu menganggap diri mereka sebagai rakyat setia takhta British menyahut panggilan rungutan umum yang disimpulkan dalam laungan mereka, dengan izin, "No taxation without representation!"

Oleh kerana mereka tidak diberi hak perwakilan di Parlimen British di London, rakyat jajahan berpendapat adalah tidak adil sesuatu dasar dikenakan kepada mereka tanpa mendapatkan pandangan serta persetujuan mereka berkaitan dengan undang-undang yang melibatkan kehidupan dan masa depan mereka. Pada 4hb Julai, 1976, orang-orang Amerika berjaya mengusir colonial masters mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ini mirip dengan keadaan yang membuahkan peristiwa di Malaya, di mana colonial masters yang sama cuba memaksa kehendak mereka kepada satu kumpulan lain sebagaimana kita semua maklum.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Malayan Union telah diajukan dengan paksaan dan tanpa perundingan orang-orang Malaya. Cadangan yang melibatkan keseluruhan kehidupan orang-orang Malaya ini akhirnya ditumpas oleh Umno. Di sini terdapat dua kejadian sejarah yang mempunyai persamaan di mana kegagalan untuk memperolehi keizinan dan kerestuan golongan mereka yang dilibatkan dengan dasar telah menimbulkan pergolakan dan penentangan yang cukup hebat. Adakah kita kini di persimpangan jalan yang sama? Akan terdengarkah laungan tiada dasar tanpa representasi, tiada keadilan tanpa perundingan?

Tuan Yang di-Pertua, keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan isteri serta Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri dan isteri dalam melindungi dan membela kaum wanita akan terbengkalai jika tidak disokong oleh mereka yang berkuasa di peringkat negeri. Pentadbiran di Jabatan Hal Ehwal Islam dan penghakiman di Mahkamah Syariah masih berbentuk lemah dan lembab. Apakah keutamaan yang menjadi prinsip pelaksanaan dasar?

Tuan Yang di-Pertua, sepuluh kali sekejap isu memudahkan poligami dan membasuh otak wanita diperjuangkan. Di mana keinsafan dan pertimbangan,

bukankah ribuan kes-kes isteri didera, dianiaya, dikhianati dan digantung tidak bertali masih terapung-apung tanpa mencecah pantai kesimpulan? Kes-kes belum selesai menjangkau puluhan tahun ke belakang, kenapa ini tidak diuruskan segera, dengan izin, "justice delayed is justice denied"? Kenapa tidak diberi keutamaan? Kenapa dibiarkan ibu kita, kakak kita, adik kita, anak perempuan kita, merempat dan menagih pembelaan di lebuhraya kezaliman? Kenapa berulang-kali, Tuan Yang di-Pertua, kes-kes khalwat yang diberi tumpuan, seolah-olah menangkap orang berkhawat lebih penting daripada wanita malang yang terkapai-kapai di lautan kehidupan bermadu.

Hati kecil saya bertanya apakah jabatan-jabatan agama Islam ini sudah keliru akan keutamaan mereka, mungkinkah pegawai-pegawai kita khayal dengan drama dan sandiwara, pasangan bercinta yang beraksi di kamar asmara, bersembunyi di bawah katil ataupun berselimut separuh bogel?

Tuan Yang di-Pertua, dua kes di Kedah baru-baru ini menunjukkan ketidakcekapan pegawai-pegawai penguat-kuasa, menyerbu pasangan yang sah sudah berkahwin dan mempunyai bukti yang ditunjukkan, tetapi tidak diendahkan. Ini sah menunjukkan pihak penguatkuasa boleh bertindak "overzealous" dalam pelaksanaan tugas mereka, dipengaruhi oleh emosi dan bukan dengan pertimbangan. Kalaulah tenaga dan kepakaran itu digunakan untuk membanteraskan penganiayaan terhadap isteri alangkah baiknya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yan Bangun.

Puan Aion Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, di manakah keutamaan, di manakah keadilan?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, negeri Kelantan yang melaung-laungkan, menjalankan pentadbiran Islam tidak menjalankan pentadbiran Islam secara yang sewajarnya. Negeri Kedah walaupun kita tetap mengamalkan pentadbiran Islam sampai yang sudah berkahwin pun kita tangkap. Tetapi di Kelantan pasangan yang tidak kahwin pun terlepas daripada hukuman, jadi macam mana, adakah Yang Berhormat bersetuju negeri Kedah ini negeri yang cukup bagus, was-was sahaja dia tangkap. Jadi yang di Kelantan ini kadang-kadang perkara yang sudah sah pun dilepas, macam mana setujukah dengan Kedah punya style ini?

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa keadaan di Kelantan itu banyak peliknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik kata-kata Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bahawa permasalahan wanita harus dilihat dalam konteks keadilan dan tidak terhambat kerana prasangka berdasarkan jantina.

Tuan Yang di-Pertua, prasangka berdasarkan jantina memang lumrah. Keadilan menuntut kepincangan ini hendaklah dibaiki segera. Satu isu di antara ratusan isu yang ingin saya utarakan ialah ketidakseimbangan penglibatan kaum wanita sebagai anggota lantikan dalam agensi-agensi kerajaan. Lembaga-lembaga pengarah, agensi-agensi kerajaan dan separa kerajaan banyaknya tidak terkira, namun keanggotaan wanita dalam lembaga ini boleh dibilang. Lihat sahaja contoh ini—Laporan Tahunan 1995 (*Sambil menunjukkan Buku Laporan*) buku-buku ini, Tuan Yang di-Pertua, ada dibekalkan kepada semua Ahli-ahli Parlimen.

	<i>Jumlah Ahli</i>	<i>Jumlah Wanita</i>
Ahli Lembaga Pengarah Dagangan Komoditi	10	1
Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	17	—
Ahli Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia	17	1
Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	19	1
Ahli Lembaga SIRIM	13	—

Purata peratusan wanita 3.4%. Amat sumbang Tuan Yang di-Pertua, gambaran yang diterterakan. Mengapa terjadi sedemikian rupa? Adakah tidak cukup wanita yang berilmuan dan berkeelayakan? Mustahil! Tenaga-tenaga pengajar wanita di universiti yang punya kelulusan akademik, baik yang sedang berkhidmat mahupun yang bersara pasti ada. Bekas-bekas pegawai perkhidmatan awam bertaburan di ruang persaraan. Ahli-ahli politik wanita yang berpengalaman dan berijazah panggil 1, 10 datang—habis, mengapa terjadi kekejangan pemilihan? (*Tepuk*) Mana gerangan anggota wanita, adakah spesis ini tidak layak menabur bakti, mencetus idea serta menggubal dasar?

Tuan Yang di-Pertua, di Amerika Syarikat kini sudah ada dasar untuk membendung prasangka berdasarkan jantina. Kontrak-kontrak yang diberi oleh Kerajaan Amerika Syarikat kepada usahawan ditetapkan sekurang-kurangnya 5% kepada golongan usahawan wanita untuk memastikan keadilan terhadap

wanita. Justeru itu saya ingin mencadangkan agar disediakan kuota untuk penglibatan wanita dalam lembaga-lembaga pengarah ini supaya dasar dapat digubal sama oleh para wanita.

Saya cadangkan, Tuan Yang di-Pertua, keahlian wanita dalam lembaga-lembaga pengarah kerajaan dan separa kerajaan ini seramai tidak kurang daripada 30%. Kalau dasar seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, boleh diambil, boleh dilaksanakan dalam Dasar Ekonomi Baru, demi keadilan dan untuk menolong kaum bumiputera dahulu, kenapa tidak dasar yang sama ini dikenakan dalam hal-hal yang berkaitan dengan wanita? Kewarasan kerajaan saya pohon dalam merealisasikan agenda wanita.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengalu-alukan usaha kerajaan untuk mempertingkatkan lagi bilangan rumah kos rendah dan sederhana di negara kita ini. Penubuhan Syarikat Perumahan Negara juga satu langkah wajar yang tepat pada masanya, cuma yang menjadi kesangsian saya ialah bentuk dan kelengkapan rumah itu sendiri.

Satu kajian yang dijalankan oleh Universiti Pertanian Malaysia tentang rumah kos rendah menunjukkan keadaannya jelas tidak sesuai untuk habitat manusia. Keadaan ini bermula dari peringkat pemahaman dan penghayatan tentang konsep habitat untuk manusia, iaitu keselamatan, keselesaan dan kesejahteraan emosi serta mental dan spiritual penghuni. Misalnya, rumah-rumah ini mestilah mempunyai tingkap yang mencukupi dan sesuai dengan cuaca serta keadaan negara Malaysia. Bumbung pula biarlah mengelakkan tempas hujan dan sebagainya.

Kenapa timbul sindrom bangunan sakit (sick building), dengan izin, adakah ini berlaku kerana arkitek tidak cekap atau adakah pemaju ingin meraih untung berlebihan? Kelihatan seolah-olah tiada

sistem "pemantauan" yang berkesan dan tiada keikhlasan pemaju kepada tanggungjawab kemanusiaan. Perhatian harus diberikan bukan sahaja kepada rekabentuk, tetapi kepada keselesaan penghuni. Lokasi bilik tidur di depan dapur misalnya ataupun dapur berdepan dengan tandas.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang menyedihkan ialah tidak adanya kesedaran sama ada di pihak kerajaan mahupun pemaju untuk menyediakan perumahan khususnya kos rendah yang prihatin kepada keperluan golongan kurang upaya, iaitu orang-orang cacat seperti lumpuh dan tidak boleh bergerak bebas dan sebagainya.

DAMAI (Disable Malaysian for Access and Inclusion) sebuah persatuan golongan kurang upaya menarik perhatian kepada kemudahan-kemudahan wajar dari segi tandas, bilik air, lif dengan panel kontrol yang rendah dan ramps untuk orang-orang yang berkerusi roda. Selain itu perlu juga disediakan kemudahan-kemudahan lain untuk orang-orang buta seperti nombor timbul dalam lif, rel untuk berpegang bagi orang-orang tua dan uzur dan juga suis lampu yang boleh dicapai oleh orang-orang berkerusi roda.

Justeru itu, saya ingin mencadangkan di sini agar golongan orang-orang kurang berupaya dilibatkan dalam proses perancangan bangunan yang berkenaan. Ini akan membantu membaiki keadaan yang wujud masa kini dan sekali gus mempamerkan hasrat murni kerajaan menyayangi masyarakat kita yang berbilang upaya dan tidak berkeupayaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Seremban.

5.43ptg.

Dato' Hon Choon Kim: Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, beri peluang saya mencuba juga membahas Belanjawan 1997.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dianggap oleh masyarakat umum Belanjawan 1997 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, tidak membawa apa-apa cadangan yang mengejutkan. Walau bagaimanapun saya berpendapat bahawa belanjawan ini adalah satu belanjawan yang "pragmatic" dan sesuai dengan keadaan.

Bagi saya ia adalah merupakan kesinambungan daripada belanjawan yang lalu. Belanjawan untuk menangani masalah yang berpunca daripada pembangunan ekonomi yang pesat. Tuan Yang di-Pertua, ekonomi kita mencatat pertumbuhan KDNK, sebanyak 8.2 peratus tahun ini. Pencapaian ini merupakan tahun yang kesembilan berturut-turut ekonomi kita mencatat pertumbuhan pesat.

Bagi tahun ini kedudukan belanjawan juga mencatatkan lebihan bagi empat tahun berturut-turut semenjak tahun 1993. Kejayaan ini adalah hasil daripada dasar fiskal, kerajaan yang berhemat dan usaha kerajaan Barisan Nasional untuk memajukan negara kita dan seterusnya membolehkan rakyat Malaysia menikmati kehidupan yang lebih berkualiti. Dasar fiskal dan belanjawan serta program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan Barisan Nasional, walaupun dikritik dan ditentang oleh parti pembangkang kini sudah terbukti bahawasanya, apa yang dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional adalah betul dan tepat bagi kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, "musim beralih zaman bertukar". Manusia kini sudah memasuki satu era yang baru. Suka tak suka "information age, boarder stage dan

digital economy" sudah tiba. Menurut Billgate, wallet P.C akan menggantikan wang kertas, buku cek, telefon bimbit, kunci dan lain yang diperlukan untuk menguruskan keperluan harian pada satu hari nanti. Wallet P.C ini mungkin dikeluarkan di koridor raya multimedia di Malaysia. Oleh kerana itu rakyat mesti bersedia untuk menghadapi cabaran.

Tuan Yang di-Pertua, untuk muncul sebagai negara yang berjaya dalam persaingan yang hebat di antarabangsa, kita mesti meningkatkan produktiviti. Seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, 55 peratus pertumbuhan ekonomi kita adalah berpunca daripada peningkatan pelaburan modal. Adalah diharapkan pertumbuhan ekonomi didorong oleh produktiviti menerusi penggunaan teknologi tinggi dan membangunkan sumber manusia. Di samping itu kerajaan juga berhasrat untuk mengalihkan industri berinsentif buruh kepada industri berinsentif modal supaya pengurangan sumber tenaga asing.

Pada masa yang sama kita juga mendapati kenaikan upah adalah lebih tinggi iaitu 8.6 peratus berbanding dengan kadar kenaikan produktiviti iaitu 3.9 peratus. Sudah tentu ketidaksamaan kadar kenaikan upah dan produktiviti ini akan mengakibatkan inflasi berpunca upah yang tinggi. Kalau keadaan ini dibiarkan berterusan, saya berasa kita tidak akan mencapai Inflasi Sifar yang dicita-citakan.

Tuan Yang di-Pertua, kadar inflasi walaupun masih berada di tahap yang rendah tetapi ia sudah menjadi sebagai satu isu yang penting untuk kita menangani bersama. Pada teorinya harga sesuatu barang adalah ditentukan oleh "demand and supply", dengan izin. Untuk memastikan kadar inflasi adalah dikekalkan pada paras yang rendah, kerajaan telah menyediakan RM1.7 bilion untuk membangunkan sektor pertanian, perikanan dan penternakan.

Satu masalah yang akan menjejaskan pengeluaran bahan makanan ialah soal tanah. Kos tanah sudah meningkat dan di samping itu banyak tanah untuk tanaman sayur-sayuran yang berhampiran dengan pekan telah sudah diambil alih untuk pembangunan projek perumahan dan perindustrian. Untuk menangani masalah ini, saya bercadang kerajaan harus membangunkan semula tanah-tanah desa masih terbiar.

Selain daripada mengambil langkah untuk memastikan bekalan bahan-bahan makanan adalah secukupnya supaya mencapai kadar inflasi yang rendah, kerajaan juga berhasrat untuk mengurangkan "wang plastik". Untuk mencapai tujuan ini, kerajaan bercadang mengenakan cukai sebanyak RM50.00 setahun kepada semua kad kredit. Langkah ini juga bertujuan mengikis sikap boros dan membazir tetapi bagi orang yang memboros, cukai sebanyak RM50.00 setahun bukan satu jumlah wang yang besar.

Kad kredit juga merupakan satu kemudahan yang penting. Oleh itu saya bercadang, cukai ini dikecualikan bagi kad pertamad dan cukai ini hanya dikenakan untuk kad tambahan. Selain daripada itu sikap jimat cermat perlu dipertingkatkan lagi, khususnya di kalangan masyarakat muda. Dalam hal ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana baru-baru ini telah melancarkan satu amanah wawasan untuk masyarakat muda menabung.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kita berbincang masalah sikap boros dan membazir bagi orang yang berada dan menggunakan kad kredit, kita harus juga berbincang masalah kemiskinan rakyat. Saya ucapkan syabas kepada kerajaan di atas usaha yang dilaksanakan untuk mengurangkan kemiskinan di negara ini. Dalam hal ini, kerajaan memang begitu serius untuk membasmi kemiskinan sebagai objektif utama dalam segala rancangan yang dijalankan oleh kerajaan

sejak tahun 1970. Pada ketika itu, apabila kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, pembasmian kemiskinan adalah salah satu agenda utama bagi negara kita. Usaha untuk mengurangkan kemiskinan telah diteruskan sampai hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mengurangkan kemiskinan, kerajaan telah mencapai banyak kejayaan. Pada tahun 1970, boleh dikatakan sebanyak 52 peratus rakyat adalah terdiri daripada golongan yang miskin. Saya bersyukur kerana kadar kemiskinan ini telah diturunkan kepada 18.5 peratus pada tahun 1990. Dan diturunkan lagi kepada 8.9 peratus pada tahun 1995. Saya rasa gembira kerana kerajaan akan memperkuatkan lagi usaha untuk mengurangkan kemiskinan kepada kadar 5.5 peratus menjelang tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, untuk Belanjawan tahun 1997 kerajaan akan menyediakan sebanyak RM2.4 bilion untuk melaksanakan beberapa program, seperti memberikan bantuan kepada pelajar yang miskin, pembangunan kesihatan dan keluarga, pertanian dan pembangunan masyarakat Orang Asli.

Saya berharap peruntukan ini dapat disalurkan dengan kesannya kepada sasaran. Mengikut satu kajian dilaporkan dalam buku "*Daerah-daerah Kemiskinan*" oleh H. Osman Rani terdapat enam buah kementerian dan lebih empat puluh buah agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pelaksanaan program pembasmian kemiskinan dan pembangunan luar bandar.

Saya bercadang satu kajian dibuat untuk mengenal pasti agensi-agensi kerajaan yang perlu bagi melaksanakan program-program pembasmian kemiskinan demi mengelakkan pertindihan fungsi dan tugas. Kadangkala masa untuk menyampaikan peruntukan kepada sasaran mengambil masa yang agak panjang.

Biasanya peruntukan daripada kerajaan pusat akan dihantar kepada Pegawai Kemajuan Negeri dan kemudian dihantar kepada Pegawai Daerah untuk disampaikan pula kepada agensi pelaksanaan. Saya berpendapat, kecekapan untuk melaksanakan projek-projek pembasmian kemiskinan harus dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Program Pembangunan Rakyat Termiskin atau PPRT adalah salah satu program yang dilaksanakan untuk membantu rakyat termiskin. Sepanjang tempoh 1991 hingga 1995, PPRT sahaja telah membelanjakan sebanyak RM1.76 bilion. Akan tetapi, kadar kemiskinan cuma diturunkan daripada 4% pada tahun 1990 kepada 3% pada tahun 1993. Kini masih terdapat sejumlah 58,000 isi rumah termiskin di negara kita. Saya menyokong program ini supaya diteruskan dan diperhebatkan. Satu perkara yang penting dan perlu diberikan perhatian ialah soal mengenal pasti orang yang betul-betul layak menerima bantuan. Senarai ini juga mesti dikemaskinikan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan biasanya dihubungkaitkan dengan luar bandar dan desa. Walau bagaimanapun, kemiskinan juga menimpa kepada penduduk di bandar. Dalam tahun 1990 ke 1995, sebenarnya bilangan isi rumah termiskin di bandar telah meningkat daripada 15,500 kepada 19,200 orang. Ini mungkin disebabkan oleh penduduk di luar bandar yang berhijrah ke bandar. Mereka biasanya tinggal di kawasan setinggan dan tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Mereka kais pagi makan pagi; kais malam makan malam. Saya mencadangkan bahawa pihak berkuasa tempatan boleh mengeluarkan lesen untuk mereka bekerja sebagai penjaja dan tapak perniagaan seperti pasar malam dapat disediakan. Untuk mereka yang mampu menjalankan perusahaan kecil, kerajaan juga diminta memberikan modal dan latihan.

Perumahan juga merupakan salah satu masalah yang serius bagi orang miskin di bandar. Mereka terpaksa tinggal di kawasan setinggan. Oleh kerana itu, saya mencadangkan kerajaan menyediakan rumah kos rendah untuk disewakan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sektor perumahan, kerajaan juga mencadangkan untuk menubuhkan syarikat perumahan negara dengan dana permulaan sebanyak RM1 bilion. Tugas syarikat ini adalah untuk membantu pemaju-pemaju membina lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana.

Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana memperhebatkan usaha untuk membina lebih banyak perumahan kos rendah. Oleh kerana Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tidak menjelaskan tentang jenis aktiviti syarikat ini, kami pun tidak tahu apa sebenarnya akan dilakukan oleh syarikat ini.

Satu aspek di mana kerajaan boleh membantu ialah untuk menyelesaikan unit-unit rumah yang direservekan kepada bumiputera, tetapi oleh sebab-sebab tertentu, masih tidak habis dijual. Untuk memastikan kaum bumiputera memiliki rumah di setiap projek perumahan, pemaju dikenakan syarat supaya sebanyak 30% unit rumah hendaklah dijual kepada bumiputera. Saya mencadangkan kerajaan melalui syarikat ini memberi unit rumah yang dikhaskan sebagai kuota pembeli bumiputera, tetapi tidak ada pembelinya selepas sesuatu tempoh masa yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk membina lebih banyak perumahan, kerajaan juga mesti memastikan kualiti rumah itu. Walaupun perkara ini sering disebutkan dalam Parlimen oleh rakan-rakan Yang Berhormat, tetapi kami masih sering menerima aduan daripada pembeli tentang kualiti rumah ini. Oleh kerana itu, saya sekali lagi menyarankan kerajaan memperketatkan penguatkuasaan untuk

setiap projek perumahan. Dalam hubungan ini, pihak jurutera perunding dan arkitek harus juga memberi perhatian kepada perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga dalam Dewan yang mulia ini meminta pihak berkuasa tempatan supaya menguatkuasakan undang-undang untuk memastikan pemaju mengikut segala kehendak untuk mengelakkan sebarang masalah pencemaran dan kerosakan alam sekitar mulai masa projek itu dimulakan. Malangnya, saya masih lihat di kawasan saya banjir lumpur berlaku kerana pemaju tidak menyempurnakan perparitan yang baik semasa kerja tolak tanah dilakukan. Perkara ini harus ditangani dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pembinaan adalah satu sektor yang penting untuk melaksanakan projek-projek perumahan dan projek-projek prasarana di seluruh Malaysia. Sektor ini dijangka menyumbangkan 40.9% kepada pertumbuhan KDNK pada tahun ini. Dalam Belanjawan, kerajaan telah mencadangkan untuk memperkenalkan semula duti import ke atas jentera berat. Tujuan ini ialah untuk menggalakkan IKS untuk bergiat dalam industri baikpulih jentera berat.

Pada hemat saya, mengenakan semula duti import ke atas jentera-jentera yang diperlukan oleh sektor pembinaan akan mendatangkan kesan yang buruk kepada sektor ini. Sektor ini kini telah mengalami masalah kekurangan tenaga buruh. Untuk mengatasi masalah ini, kerajaan sepatutnya menggalakkan lebih banyak jentera digunakan untuk meningkatkan produktiviti dari sektor ini. Oleh kerana itu, saya mencadangkan jentera-jentera yang spesifik dan tidak ada jentera lama untuk dibaikpulih harus dikecualikan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti di sektor pembinaan, negara kita kini sedang mengalami kekurangan tenaga pekerja. Untuk menampung keperluan, seramai

2 juta pekerja asing telah diambil masuk ke negara ini untuk bekerja di berbagai bidang.

Saya tidak bercadang membincangkan masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja asing ini, tetapi saya ingin sentuh sedikit tentang pembangunan sumber manusia. Saya amat bergembira dan menyokong kerajaan untuk memperhebatkan pembangunan sumber manusia.

Saya juga menyokong hasrat kerajaan supaya manusia yang dididik bukan sahaja mempunyai ilmu, tetapi juga mempunyai amal. Manusia berbeza dengan robot kerana manusia mempunyai perasaan humanity dan boleh berfikir secara rasional jika dibentuk dengan ajaran yang baik. Oleh kerana itu usaha kerajaan untuk meningkatkan pendidikan adalah bijak dan wajar.

Untuk membolehkan pelajar dari keluarga miskin melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan, kerajaan juga menyediakan satu dana pendidikan tinggi sebanyak RM10 juta sebagai skim pinjaman. Saya ucapkan syabas kepada kerajaan kerana menyediakan dana ini untuk membantu pelajar yang miskin.

Setiap tahun ramai pelajar yang layak memasuki institusi pengajian tinggi terpaksa menarik diri kerana kekurangan kewangan. Saya mencadang pinjaman ini diberikan kepada semua rakyat Malaysia, tidak kira bangsa dan tempat tinggal.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun apabila Belanjawan dibentangkan, kita boleh lihat sebahagian besar peruntukan telah diberikan untuk pendidikan. Langkah ini adalah wajar dan bijak. Malaysia ingin maju dan rakyat mesti diberikan pendidikan. Kawasan-kawasan yang tidak cukup sekolah harus dibina lebih banyak sekolah, khususnya di taman-taman perumahan baru. Saya juga dengar masalah

kekurangan tenaga guru. Ini juga perlu ditangani dengan segera. Sekolah-sekolah bantuan modal juga haruslah diberikan lebih banyak peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mewujudkan masyarakat madani, kerajaan ingin membentuk negara Malaysia sebagai sebuah masyarakat penyayang. Kerajaan juga menyediakan peruntukan berjuta-juta ringgit untuk menangani masalah sosial seperti dadah, keruntuhan institusi keluarga, penyakit AIDS serta menjalankan berbagai-bagai projek kebajikan seperti menyediakan tempat perlindungan untuk kanak-kanak, wanita dan warga tua.

Saya menyokong pelepasan cukai diberikan kepada pembayar cukai sehingga had maksimum RM5,000 atas perbelanjaan perubatan penyakit yang sukar diubati seperti kanser, AIDS, buah pinggang dan lain-lain. Mereka merupakan beban kepada keluarga. Mereka terpaksa meminta derma daripada mana-mana pihak yang sanggup memberikan sumbangan. Saya mencadangkan satu tabung disediakan untuk memberikan bantuan khas kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan tahap kehidupan rakyat yang tinggal di luar bandar, kerajaan telah, sejak beberapa tahun yang lampau melaksanakan pelbagai program. Saya merasa gembira kerana dalam Belanjawan ini kerajaan juga menyediakan sebanyak RM7.051 bilion bagi pembangunan kawasan desa dan pedalaman. Saya berharap jumlah wang ini dapat digunakan dengan baik dan sampai kepada sasaran oleh agensi-agensinya yang melaksanakannya.

Projek-projek prasarana asas perlu diperhebatkan di kampung-kampung tradisional dan kawasan desa. Jalan-jalan yang sedia ada kebanyakannya tidak cukup besar dan bertaraf rendah. Ia cuma boleh menampung kehendak untuk masa yang lampau. Kini, bilangan kenderaan

di kawasan luar bandar kian bertambah. Oleh kerana itu, jalan luar bandar juga harus diperbaiki. Saya juga berharap projek-projek ini akan dilaksanakan pada awal tahun supaya mempunyai masa yang secukupnya untuk memastikan mutu pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang apa yang kita lihat ialah kadangkala peruntukan walaupun diluluskan tetapi lambat sampai kepada agensi-agensi kerajaan untuk melaksanakan. Jadi, inilah akan menimbulkan banyak masalah, tidak cukup masa untuk melaksanakan projek dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu fenomena yang selalu berlaku di luar bandar ialah penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar. Pertumbuhan bilangan penduduk di luar bandar adalah amat minimum. Dan biasanya yang tinggal adalah orang yang umurnya sudah meningkat. Perkara ini harus diberi perhatian oleh kerajaan. Saya bercadang pembangunan industri desa harus diutamakan supaya orang muda ditarik untuk bekerja di desa dan pendapatan orang kampung dapat dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memberi peruntukan kepada kampung-kampung baru untuk melaksanakan projek-projek pembangunan. Saya perhatikan peruntukan yang akan diberikan pada tahun 1997 adalah sebanyak RM6 juta. Jumlah wang ini perlu dipertambahkan kerana kemudahan-kemudahan yang terdapat di kampung-kampung baru masih jauh ketinggalan. Walaupun beberapa kampung baru kerana berdekatan dengan bandar kini telah kehilangan ciri-ciri kampung baru, macam Kampung Seri Kembangan, kerana ia berhampiran dengan bandar, jadi telah dimajukan dengan begitu baik. Namun, masih banyak kampung baru yang berada di pedalaman mengalami serba

kekurangan. Projek-projek pembinaan jalan, pembinaan jalan raya, bekalan air dan elektrik yang lebih sempurna harus dipertingkatkan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, Amerika Syarikat dianggap sebagai negara yang maju. Pertumbuhan ekonomi meningkat berlipat ganda tetapi mengikut John Naisbitt dalam bukunya *'Mega Trend For Asia'* dalam tempoh 1960 hingga 1995 kadar jenayah meningkat 560%, kelahiran anak luar nikah naik dengan kadar 419% manakala kes perceraian suami isteri meningkat 400%. Kita tidak mahu melihat perkara ini berlaku di negara kita ini. Kita mahu negara Malaysia maju bukan sahaja dalam bidang ekonomi tetapi juga dalam bidang pembangunan moral, mental dan spiritual.

Dalam hubungan ini, kerajaan telah mengakui bahawa kemajuan perindustrian dan peningkatan perbandaran telah menimbulkan banyak masalah sosial seperti penagihan dadah, penderaan kanak-kanak, lepak, jenayah juvana, gaya hidup yang tidak sihat dan ketegangan dalam keluarga. Mengikut satu laporan, dalam tahun 1994 sebanyak 17,600 kes penagihan dadah, 8,938 kes AIDS, 871 kes penderaan kanak-kanak dan 4,774 kes lari dari rumah telah dilaporkan dan tadi Timbalan Menteri Dalam Negeri juga dalam jawapan dalam Dewan ini menyebutkan bahawa di antara tahun 1988 hingga 1995 penagih dadah adalah sebanyak 113,736 kes.

Tuan Yang di-Pertua, jika gejala-gejala ini tidak dikawal dengan berkesan, ia akan menjadi satu masalah yang besar dan rumit terhadap negara ini pada masa yang akan datang. Saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana mengambil beberapa langkah pencegahan dan pemulihan untuk menangani masalah penagihan dadah. Dalam hubungan ini, saya rasa 'prevention is better than cure', dengan izin. Oleh itu, saya berharap kerajaan atau NGO akan berusaha secara komprehensif untuk menjalankan program supaya kesedaran terhadap bahaya najis dadah dapat dipertingkatkan di kalangan masyarakat.

Dari aspek pemulihan pula, kerajaan telah membina pusat serenti di beberapa tempat sebanyak 28 buah mengikut jawapan pada petang tadi. Kerajaan telah membina pusat serenti untuk pelatih-pelatih menjalankan program pemulihan. Malangnya berdasarkan jawapan diberikan juga oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, sejak tahun 1995 hingga Mac sebanyak 5,409 pelatih melarikan diri dari pusat ini. Beberapa sebab pelarian ini telah pun dikenal pasti seperti kesesakan pelatih di pusat, kekurangan kakitangan dan sebagainya. Untuk mengatasi masalah ini, saya difahamkan bahawa beberapa langkah akan dilaksanakan. Saya tertarik kepada cadangan kerajaan untuk mengklasifikasikan pusat serenti mengikut kategori penagih. Saya mencadangkan supaya penagih yang 'hard core' ini ditempatkan di satu kawasan pedalaman atau di sebuah pulau untuk mengelakkan kejadian melarikan diri. Di samping itu, saya juga mencadangkan supaya satu program kaunseling yang lebih berkesan dan menyeluruh dijalankan oleh pegawai yang profesional.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak bukan masalah baru akan tetapi kes-kes penderaan kanak-kanak telah meningkat dan berlaku dalam pelbagai aspek. Menurut Profesor Kasmini Hashim, kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak berlaku di setiap lapisan masyarakat di Malaysia tidak kira bangsa, pekerjaan atau kedudukan ekonominya. Statistik menunjukkan bahawa bilangan kanak-kanak yang dianiaya telah meningkat setiap tahun. Pada tahun 1993 sebanyak 1075 kes penderaan telah dilaporkan. Ini menunjukkan dengan jelasnya kes penderaan kanak-kanak meningkat dari setahun ke setahun. Walau bagaimanapun, hanya lapan orang yang didakwa ke mahkamah pada tahun 1991 hingga 1993. Saya berharap kerajaan akan mengambil tindakan yang keras terhadap sesiapa yang mendera kanak-kanak. Kita tidak boleh menganggap hal ini sebagai satu hal yang ringan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya juga membaca satu berita dalam surat khabar bahawa sepasang suami isteri di negeri Johor membenarkan lima orang anak mereka mengemis di bawah satu sindiket. Ibu bapa ini dibayar sebanyak RM6 sehari bagi setiap seorang anaknya. Ini sedang berlaku dalam masyarakat kita. Kita tidak boleh membiarkan perkara ini berleluasa. Satu tindakan tegas harus diambil dengan segera terhadap ibu bapa yang tidak bertanggungjawab ini.

Tuan Yang di-Pertua, kadar pertumbuhan bagi penduduk yang berumur 65 ke atas adalah sebanyak 3.4% setahun. Kadar ini adalah tertinggi sekali dalam struktur umur yang lain. Jumlah bilangan golongan ini adalah hampir 1 juta orang. Mereka merupakan orang yang bersara dan tidak ada pendapatan tetap. Mereka kadangkala diabaikan oleh anaknya. Saya tidak ada statistik untuk perkara ini, tetapi kes anak mengabaikan ibu bapanya banyak telah kita dengar dan lihat dalam masyarakat kita.

Saya didatangi oleh orang yang meminta saya membantu untuk hantar ibu bapanya ke rumah kebajikan, kerana ibunya sudah tua dan kurang sihat. Mereka memberi alasan tidak mampu atau tidak ada masa untuk menjaga ibu bapanya. Saya pernah lihat orang tua yang ditinggalkan hidup seorang dalam sebuah pondok dan terpaksa masak sendiri dan kadangkala tidak ada makanan. Saya berharap supaya kerajaan atau Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan merangkaan satu strategi atau satu polisi warga tua untuk menangani masalah ini. Saya juga bercadang supaya kerajaan menggubal satu undang-undang supaya anak diwajibkan untuk menjaga ibu bapa mereka. Hari ini kita menghadapi masalah remaja lepak. Kalau warga tua ini tidak dijaga dengan baik, satu hari nanti kita mungkin menghadapi masalah warga tua lepak.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun ini adalah merupakan satu Belanjawan yang 'forward locate' dengan izin, dan mengambil kira semua aspek untuk mewujudkan ekonomi Malaysia yang lebih mampan. Belanjawan juga bertimbang rasa atas masyarakat yang kurang bernasib baik dan penting sekali dari luar bandar.

Dalam Ucapan Belanjawan bagi tahun 1996, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa filsuf Cina Ming Tze pernah menegaskan bahawa "apabila pemerintah bergembira dengan kegembiraan rakyat, rakyat pula akan bergembira dengan kegembiraan pemerintah." Dengan prinsip yang sama dan seperti juga disebutkan oleh Ming Tze ialah "apabila pemerintah gelisah dengan kegelisahan rakyat, rakyat pula akan gelisah dengan kegelisahan pemerintah." Dalam konteks ini, kerajaan memang gelisah masalah yang dihadapi oleh rakyat dan mengambil langkah untuk menanganinya. Saya yakin dan percaya rakyat akan memberikan sokongan yang padu kepada kerajaan dan sokongan ini akan diberikan selama-lamanya. Sekian, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka.

6.24 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Belanjawan 1997 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, paksi Belanjawan 1997 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan adalah kemakmuran dalam bentuk ekonomi yang tangkas dan keadilan dalam bentuk pengagihan kekayaan negara. Beliau telah menjanjikan banyak nikmat kepada rakyat, tetapi malangnya Belanjawan beliau

adalah dengan izin, 'long on rethoric, but short on action.' Mana nikmatnya, Tuan Yang di-Pertua, bila semua perubahan-perubahan cukai yang dicadangkan dalam Belanjawan 1997 akan membawa tambahan hasil bersih, dan bukannya pengurangan, kepada kerajaan sebanyak RM320.8 juta, mengikut anggaran hasil Persekutuan Malaysia bagi tahun 1997. Ini juga boleh dilihat oleh hukuman Bursa Saham Kuala Lumpur ke atas Belanjawan beliau bila indeks komposisinya turun sebanyak 16 mata kepada 1,160 mata bila pasaran tutup semalam, berbanding dengan hari Belanjawan dibentangkan.

Belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dengan izin, 'is full of contradictions.' Dalam bidang ekonomi beliau mahu menolak apartheid ekonomi dalam peringkat antarabangsa, tetapi masih mengamalkannya di dalam negeri dalam bentuk kuota dan sekatan. Beliau juga mahu pertumbuhan ekonomi tangkas didorong oleh produktiviti, bukan pelaburan modal, tetapi misi pelaburan asing masih bergegas pergi ke luar negara untuk mengejar pelaburan modal. Beliau mahu membendung inflasi sehingga inflasi sifar, tetapi tetap membenarkan harga barangan dan perkhidmatan dinaikkan.

Beliau mahu negara menguasai teknologi maklumat, tetapi hanya memperuntukkan jumlah kecil sebanyak RM60 juta kepada pendidikan komputer di sekolah. Beliau mahu memelihara alam sekitar, tetapi meluluskan projek Bakun. Beliau mahu lebih banyak rumah kos rendah dibina, tetapi pemaju dibenarkan terus membina rumah mewah tanpa tindakan diambil ke atas mereka.

Beliau mahu pengagihan kekayaan yang adil, tetapi United Nations Human Development Reports 1996 telah mengecap Malaysia sebagai negara yang mempunyai ketidaksamaan pendapatan paling besar dan teruk sekali di Benua Asia. The contradictions do not end there, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam gelanggang politik, beliau mengecam politik wang, tetapi membenarkan rasuah berleluasa. Beliau menjunjung demokrasi, tetapi pula menyokong penyertaan Myanmar, simbol negara antidemokrasi sebagai ahli gagasan Asean atau tidak menghiraukan usul Bangsa-bangsa Bersatu patut ada pungutan suara di Timor-Timur untuk rakyat menentukan masa depannya dan juga membenarkan amalan tidak berdemokrasi di Malaysia. Beliau juga mahu menegakkan kebenaran, tetapi tidak pula mahu menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang mendewa-dewakan fitnah dan pembohongan. Beliau mahu masyarakat madani, tetapi tidak pula memansuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti yang mengharamkan kesedaran politik penuntut di universiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberikan beberapa contoh contradiction ini. Di sini, DAP ingin mencadangkan satu dasar ekonomi baru bernama Dasar Ekonomi Adil atau 'fair economic policy' dilaksanakan untuk mengatasi masalah perbezaan pendapatan serius di antara golongan kaya dan miskin yang menjadikan Malaysia negara yang mempunyai ketidaksamaan dan ketidakadilan pendapatan paling besar dan teruk sekali di benua Asia. DAP selalu berkata bahawa pembangunan ekonomi negara adalah memihak kepada golongan kaya sehingga yang kaya menjadi lebih kaya dan yang miskin masih miskin. Rasuah, penyelewengan kewangan dan penyalahgunaan kuasa seperti memberi kontrak penswastaaan dan saham beratus-ratus juta ringgit kepada ahli keluarga pemimpin negara menjadikan sebab utama mengapa yang kaya jadi lebih kaya, dan yang miskin tetap miskin.

Kenyataan DAP ini dibuktikan oleh Laporan Pembangunan Kemanusiaan Bangsa-bangsa Bersatu 1996 yang menyatakan bahawa di Benua Asia, Malaysia merupakan negara yang mempunyai ketidakseimbangan atau ketidakadilan pendapatan yang paling

tinggi sekali. Di Benua Asia, Malaysia yang merupakan negara di mana golongan berpendapatan rendah memiliki pendapatan negara bahagian yang paling kecil sekali. Mengikut laporan ini, isirumah terendah 40% hanya memiliki 12.9% pendapatan negara. Ini bermakna 40% penduduk Malaysia dari golongan berpendapatan rendah hanya menguasai 12.9% pendapatan negara. Ini berbanding dengan negara-negara membangun yang sedang maju seperti Hong Kong, Singapura, Korea Selatan dan Thailand, di mana isi rumah 40% ke bawah memiliki 16.2%, 15%, 9.7% dan 15.5% pendapatan negara mereka masing-masing, iaitu kesemuanya jauh lebih tinggi daripada penguasaan pemilikan negara oleh isirumah terendah 40% dalam Malaysia.

Malah, Tuan Yang di-Pertua, negara Indonesia yang diterima umum sebagai negara yang paling berasuah di dunia mempunyai pengagihan pendapatan untuk penduduk berpendapatan rendah yang lebih adil. Golongan isirumah 40% berpendapatan rendah Indonesia menguasai 20.8% pendapatan negara itu. Dengan kata lain, Malaysia merupakan negara yang paling tidak adil kepada golongan yang berpendapatan rendah di Asia.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah secara relatif, bukan secara absolute. DAP tidak menafikan hakikat bahawa masalah kemiskinan bertambah baik, tetapi kita pun tidak boleh menolak hakikat bahawa jurang perbezaan pendapatan atau kekayaan di antara yang miskin dan yang kaya kian membesar. Di samping itu, golongan berpendapatan tinggi menguasai pendapatan negara berlipat-ganda peratusan penduduk mereka. Ratio 20% atau isirumah 20% pendapatan tertinggi dengan isirumah 20% pendapatan terendah untuk Malaysia adalah sebanyak 11.7 kali ganda. Ini bermakna pendapatan golongan isirumah 20% tertinggi adalah hampir 12 kali ganda pendapatan golongan isirumah terendah 20%. Ini merupakan ratio yang paling tinggi kalau dibandingkan dengan negara Asia seperti

Hong Kong—hanya 8.7 kali ganda, Singapura—9.6 kali ganda, Korea Selatan—5.7 kali ganda dan Thailand—8.3 kali ganda. Maka sekali lagi Indonesia yang mempunyai ratio yang lebih rendah lagi iaitu sebanyak 4.7 kali ganda sahaja, seperti yang ditunjukkan dalam laporan tersebut.

Adalah jelas dasar ekonomi Barisan Nasional telah gagal mengagihkan ekonomi negara dengan lebih adil, oleh itu sudah sampai masanya satu dasar ekonomi adil dilaksanakan untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan menambahkan pendapatan mereka. Untuk menjayakan dasar ekonomi adil ini adalah perlu sistem kuota mengikut kaum digantikan dengan sistem kuota mengikut keperluan dan peluang yang sama rata tanpa mengira kaum. Dasar ekonomi adil ini mestilah berdasarkan prinsip dan peluang yang sama rata (equal opportunity). Prinsip peluang yang sama rata bukanlah bermakna mendapat kejayaan tanpa berusaha, tetapi bermakna semua rakyat berhak mendapat peluang yang sama sebelum berusaha. Kejayaan adalah bergantung kepada usaha atau inisiatif sendiri, tetapi berusaha dengan peluang yang sama tanpa kelebihan kepada orang kaya dan kekurangan kepada orang miskin. Hanya dengan dasar ekonomi adil berdasarkan peluang yang sama rata, barulah orang miskin berpeluang menambahkan pendapatan negara bersama dengan golongan kaya dan tidak menjadi kekal miskin.

Malah, jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kepada soalan saya pada 22hb Oktober tahun ini sendiri mengakui ketidaksamaan pendapatan ini bila menyatakan isirumah tertinggi 5% memiliki pendapatan negara sebanyak 21.2 berbanding dengan isirumah terendah 5% yang hanya memiliki 0.6%. Ini bermakna golongan 5% terkaya mempunyai pendapatan hampir 36 kali ganda lebih kaya daripada golongan 5% termiskin. Lagi pun pengukuran pendapatan dalam bidang ekonomi dilihat dari segi, dengan izin, flow concept, yang akan underestimate keadaan jurang

kekayaan antara golongan miskin dan kaya. Jurang perbezaan kekayaan akan lebih besar kalau kita lihat dari segi, dengan izin, stock concept, iaitu nilai harta tanah dan harta benda. Oleh yang demikian, satu dasar ekonomi adil berdasarkan peluang yang sama rata juga akan memberikan insentif kepada peningkatan produktiviti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan juga mengumumkan peruntukan sebanyak RM92.1 juta disediakan untuk program-program membanteras inflasi seperti Kempen Inflasi Sifar. Saya anggap perbelanjaan sebanyak RM92.1 juta ini adalah satu pembaziran wang kerana kerajaan sendiri tidak lagi percaya Kempen Inflasi Sifar boleh dicapai. Keadaan di mana hampir semua harga barangan perlu naik menunjukkan bahawa Kempen Inflasi Sifar telah gagal dan terlalu tidak realistik. Bagi rakyat biasa, inflasi bukanlah setakat 3.6% tetapi jauh melebihinya. Kenaikan harga barangan perlu melebihi 30%—jelas menunjukkan kenaikan harga yang amat besar, lagipun keadaan inflasi berbeza di antara satu kawasan dengan kawasan yang lain, seperti di bandar dengan luar bandar, ataupun di antara bandar-bandar seperti Johor Bharu dan Melaka.

Kalau kerajaan ingin berjaya melawan inflasi, dia mesti mengubah sasaran sifar kepada yang lebih realistik iaitu pada kadar 4%. Saya ingin mencadangkan 6 langkah yang harus diambil kalau kerajaan ingin berjaya melawan inflasi dan mengurangkan kesan negatifnya kepada golongan miskin:

- (i) mengambil sikap dan kepimpinan melalui teladan dengan membekukan semua kenaikan harga barangan dan perkhidmatan kerajaan atau perlukan kelulusan kerajaan seperti tarif telefon, api, air, tol lebu raya, bayaran pembentungan, bayaran pengutipan sampah sarap, cukai tanah, cukai pintu, beras dan juga kereta Proton.

- (ii) memaksa syarikat-syarikat menikmati keuntungan besar seperti bank-bank perdagangan, telekom Malaysia, Independent Power Producers dan Tenaga Nasional mengurangkan bayaran yang dikenakan kepada para pengguna;
- (iii) mengambil usaha jangka panjang, menyekat amalan rasuah dan meningkatkan kecekapan. Tidak boleh dinafikan amalan rasuah yang kian serius menjadi sebab utama mengapa inflasi berlaku dan berterusan;
- (iv) memberikan bantuan wang secara langsung kepada golongan miskin untuk membantu mereka mengatasi kenaikan harga barangan dan juga imbuhan kepada kakitangan kerajaan yang berkhidmat dalam bandar berinflasi tinggi seperti Johor Bharu;
- (v) tidak mengamalkan sikap double standard, dengan izin, dengan mengambil tindakan ke atas semua syarikat yang menaikkan harga sesuka hati tanpa mengira yang besar atau yang kecil; dan
- (vi) mengurangkan harga petrol jualan sebanyak 50% daripada harga jualan sekarang sebanyak RM1.06 ke RM1.10 seliter, demi mencerminkan penurunan harga petrol minyak mentah sejak Perang Teluk pada tahun 1991.

Tuan Yang di-Pertua, harga jualan petrol ditetapkan bila harga minyak antarabangsa setong naik kepada US\$40 setong pada masa itu dan tidak banyak berubah sehingga sekarang. Dalam Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Hasil bagi tahun 1997 atau Kertas Perintah 39, harga petroleum mentah dianggarkan sebanyak US\$20

setong dalam tahun 1996 dan US\$18.50 setong pada tahun 1997. Oleh itu, sudah sampai masanya pengguna menikmati penurunan harga minyak antarabangsa yang juga akan memberikan kesan segera dan positif menurunkan kadar inflasi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, hari sudah suntuk.

Tuan Lim Guan Eng: Boleh saya sambung besok?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat diminta sambung besok.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.